

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI RABU : 13 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 50)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : **13 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI KESIHATAN** tindakan atau langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil bagi membasmi penularan penyakit cacar monyet yang menular baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada YB Padang Rengas. YB Padang Rengas bertanya mengenai langkah-langkah pencegahan terkait penyakit cacar monyet atau MPox yang tular beberapa bulan yang lalu.

2. MPox yang dulu dikenali sebagai Monkeypox adalah penyakit yang disebabkan oleh Virus Monkeypox yang disebarkan melalui sentuhan langsung dengan pesakit MPox termasuk menerusi hubungan seksual atau melalui persekitaran yang tercemar oleh cecair badan pesakit MPox.

3. Menjawab soalan YB Padang Rengas, tindakan atau langkah pencegahan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- (a) menghindari kontak rapat dengan individu dijangkiti MPox atau yang menunjukkan gejala MPox;
- (b) mengelak melakukan aktiviti berisiko seperti mengadakan hubungan seksual bersama pasangan yang tidak dikenali dan juga dengan individu yang mempunyai gejala ruam;
- (c) menjalani pemeriksaan dan pengesahan melalui ujian MPox sekiranya mempunyai gejala supaya tindakan kawalan dan rawatan dapat dilakukan segera bagi mencegah penularan; dan
- (d) elakkan berjumpa atau kontak rapat dengan individu yang mengunjungi negara berisiko atau individu yang terdedah dengan individu yang disyaki atau disahkan MPox yang perlu memantau secara sendiri status kesihatan dalam tempoh 21 hari selepas pulang atau selepas terdedah dengan MPox.

4. Kementerian Kesihatan juga telah menjalankan beberapa inisiatif bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran tentang MPox, antaranya:

- (a) menjalankan hebahan awam berhubung nasihat penjagaan kesihatan dan kebersihan sendiri berkaitan MPox di semua platform di media sosial dan media konvensional serta di lapangan;
- (b) memastikan premis-premis yang menyediakan perkhidmatan yang melibatkan kontak kulit dengan pelanggan seperti spa, sauna, rumah urutan dan gimnasium mengamalkan kebersihan premis dan persekitaran di samping memastikan tiada pekerja atau pelanggan mengalami gejala MPox seperti ruam atau lepuh pada kulit. Sekiranya terdapat pekerja atau pelanggan yang mempunyai gejala tersebut, mereka perlu segera melakukan pemeriksaan kesihatan;
- (c) menyediakan garis panduan dan infografik berkaitan langkah pencegahan jangkitan MPox di premis berkaitan.

5. Setakat 4 Oktober 2024, sebanyak 58 jenis/sesi pendidikan kesihatan telah dilaksanakan. Sesi ini melibatkan aktiviti kesedaran MPox dan edaran bahan pendidikan kepada kumpulan berisiko menerusi kerjasama badan bukan Kerajaan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti.

6. Pada 4 Oktober 2024, dua (2) snippet video daripada sesi *Tik Tok Live* MPox oleh Dr. Khairil Erwan Khalid, Pakar Perunding Penyakit Berjangkit, Hospital Kuala Lumpur berhubung tempoh sebelum timbul gejala MPox dan vaksin MPox telah dikongsikan di media sosial portal *MyHealth KKM* (*Tik Tok*, *Instagram* dan *Facebook*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta MENTERI
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:**

- (a) apakah Kementerian mempunyai mekanisme bagi meningkatkan penggunaan dan produktiviti aset binaan Majlis Daerah Kota Marudu. Terdapat banyak gerai yang telah dibina, tidak digunakan dan terbiar menyebabkan kerugian aset; dan
- (b) adakah terdapat keperluan mengetatkan syarat kepada pemilik-pemilik yang tidak mengusahakan gerai yang disewakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa memberi keutamaan kepada aspek peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat melalui pelbagai inisiatif penjana pendapatan rakyat untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited memperkasa dan menggalakkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai pemangkin kepada kesejahteraan rakyat secara menyeluruh, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Dengan memfokuskan kepada **Majlis Daerah Kota Marudu (MDKM)**, terdapat **354 unit premis perniagaan di bawah seliaan MDKM dan sebanyak 32 unit premis (9.04%) didapati masih belum mempunyai peniaga**. Antara **cabaran bagi pengisian peniaga** sama ada secara menyewa atau mengusahakan premis-premis tersebut adalah:

- i. masih terdapat **tunggakan sewa yang tidak dijelaskan** oleh penyewa asal;
- ii. **premis tidak sesuai** untuk disewakan kerana berada dalam keadaan daif, terbiar dan mengalami kerosakan serta memerlukan masa untuk dibaik pulih; dan
- iii. **peniaga lebih berminat untuk menyewa di premis milik swasta** kerana ia dibangunkan di kawasan yang lebih strategik, baharu dan menjadi tumpuan ramai.

Bagi meningkatkan pengisian premis-premis perniagaan milik PBT, beberapa inisiatif dan strategi telah dilaksanakan antaranya PBT mengadakan lawatan dan **pemeriksaan berkala terhadap gerai-gerai yang telah ditawarkan** kepada peniaga tetapi tidak beroperasi, **mengeluarkan notis arahan** membuka/ menjalankan perniagaan serta notis arahan mengosongkan gerai sekiranya penyewa masih gagal dan gerai tersebut ditawarkan kepada penyewa yang lebih berminat.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, **MDKM telah menambah baik syarat-syarat dan peraturan penyewaan gerai** yang diperincikan dalam perjanjian sewa yang perlu dipatuhi. MDKM

NO SOALAN : 11

melaksanakan tindakan penguatkuasaan seperti mengeluarkan notis amaran sekiranya terdapat pelanggaran perjanjian sewa tersebut dan bagi kesalahan berulang dan Notis Penamatan dan Pengosongan Gerai akan dikeluarkan. Bagi tempoh bermula Januari 2022 hingga September 2024 (33 bulan), sebanyak 460 Notis Amaran berkaitan pelanggaran syarat-syarat penyewaan telah dikeluarkan oleh MDKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jalinan kerjasama strategik antara Kementerian Pertahanan dengan Kerajaan Korea Selatan dalam membangunkan keupayaan industri pertahanan tempatan, mengambil kira pembangunan industri pertahanan yang signifikan di Korea Selatan dalam bidang teknologi R&D produk persenjataan seperti pesawat pejuang, kapal selam, kapal perang serta teknologi mikrochip yang berpotensi dipindahkan kepada Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Korea dalam bidang industri pertahanan masih belum diwujudkan secara formal. Namun begitu, kedua-dua pihak terus berinteraksi melalui mesyuarat, penganjuran seminar industri pertahanan dan penyertaan dalam pameran pertahanan antarabangsa. Untuk makluman, kedua-dua negara sedang dalam proses merundingkan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang Industri Pertahanan.

2. Di samping itu, kerjasama strategik dalam pembangunan keupayaan industri tempatan juga turut dilaksanakan melalui Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Program – ICP*) yang tercetus melalui Kontrak Perolehan Utama dengan syarikat-syarikat dari Korea Selatan. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pemindahan teknologi dan pembangunan pengetahuan yang strategik untuk dijadikan pemangkin kepada syarikat tempatan agar mereka boleh terlibat dalam kerjasama strategik global yang menyumbang kepada pembangunan teknologi dan pertumbuhan industri di dalam negara.

3. Terdapat juga syarikat tempatan yang berkeupayaan dalam pembangunan teknikal dan komersial yang telah menjalinkan kerjasama strategik bersama syarikat dari Korea Selatan dalam pembangunan kepakaran dan pemindahan teknologi dalam bidang *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) peralatan ketenteraan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menempatkan Doktor Pakar di Hospital Daerah Lawas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat berhubung perkhidmatan perubatan di semua hospital KKM termasuk Hospital Lawas. Buat masa ini, Hospital Lawas diklasifikasikan sebagai Hospital Bukan Pakar di bawah Kluster Sarawak Utara bersama Hospital Miri (Hospital Induk), Hospital Marudu dan Hospital Limbang.
2. Perkhidmatan kepakaran asas disediakan melalui lawatan pakar di bawah hospital kluster iaitu dalam bidang Pembedahan Am, Pediatrik, Obstetrik & Ginekologi, Ortopedik, Psikiatri, Oftalmologi, Rehabilitasi, Pembedahan Plastik, Nefrologi dan Hematologi Klinikal. Pada masa yang sama, seorang residen Pakar Perubatan Dalamam telah ditempatkan di Hospital Lawas.
3. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga merancang untuk menaik taraf Hospital Lawas kepada Hospital Pakar Minor menjelang tahun 2030 di mana pelaksanaan ini akan dibuat secara berfasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan prospek tanaman kopi di Malaysia, berapa keluasan, jenis dan variasi kopi yang ditanam dan nilai pasaran domestik dan nilai eksport kopi untuk tahun 2014 hingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan industri kopi telah diberi tumpuan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian Malaysia bermula RMKe-11 dan diteruskan dalam RMKe-12 melalui Projek Pembangunan Industri Kopi. Peruntukan dalam RMK-12 adalah sebanyak Ringgit Malaysia empat perpuluhan lima (RM4.5) juta dengan sasaran keluasan tiga ratus (300) hektar dengan melibatkan dua ratus tujuh puluh (270) orang petani.

Terdapat tiga (3) varieti utama kopi yang ditanam di Malaysia iaitu Liberica (60%), Robusta (30%) dan Arabica (10%). Kebanyakan varieti Liberica adalah ditanam di Johor manakala varieti Robusta banyak ditanam di Kedah dan Sabah. Pengeluaran kopi bagi tahun 2023 adalah sebanyak enam ribu lapan ratus empat (6,804) tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak Ringgit Malaysia dua puluh lapan (RM28) juta.

Malaysia mengeksport kopi khususnya ekstrak kopi ke beberapa negara utama seperti China, Singapura, Thailand, Amerika Syarikat, Filipina, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Korea. Dari tahun 2014 hingga 2023, nilai eksport kopi bagi 3 negara utama adalah seperti berikut:

- (i) China - dengan nilai eksport Ringgit Malaysia tiga puluh lima perpuluhan satu lapan (RM35.18) juta;
- (ii) Singapura – dengan nilai eksport Ringgit Malaysia dua puluh tiga perpuluhan enam (RM23.6) juta; dan
- (iii) Thailand – dengan nilai eksport Ringgit Malaysia empat belas perpuluhan satu enam (RM14.16) juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL
[MAS GADING]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan statistik kemalangan maut Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak membabitkan kawasan pusingan P-Turn sejak tahun 2023 hingga kini dan apakah usaha Kementerian bagi mengatasi kes kemalangan maut membabitkan kawasan pusingan P-Turn.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian amat mengambil berat akan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara. Kementerian ini melalui Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya khususnya di bawah skop merawat dan memperelok lokasi kerap berlaku kemalangan atau blackspots (dengan izin) dilaksanakan untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan.

Berdasarkan rekod pembaikan lokasi blackspots (dengan izin), sebanyak 55 lokasi pembaikan blackspots telah dilaksanakan di jalan-jalan Persekutuan seluruh negara pada tahun 2023 dengan kos berjumlah RM19 juta. Pembaikan yang dilaksanakan ini adalah bersifat penyelesaian kos rendah dan berimpak tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui rekod pembaikan *blackspots* (dengan izin) di Negeri Sarawak, sebanyak tujuh (7) lokasi telah dilaksanakan pembaikan antara tahun 2020 sehingga 2023.

Bagi lokasi yang dimaksudkan Ahli Yang Berhormat iaitu di Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, Laluan Persekutuan FT001 melibatkan 222 jumlah persimpangan dan panjang jalan 786 km.

Kementerian ini telah menyemak berdasarkan rekod di Kementerian Kerja Raya mendapati bahawa terdapat enam (6) jumlah kemalangan maut yang berlaku di persimpangan termasuk pusingan P-Turn sepanjang lebuhraya Pan Borneo Sarawak tersebut sepanjang tahun 2022 hingga 2024.

Walau bagaimanapun, bagi lokasi seperti persimpangan termasuk pusingan P-Turn ini telah disediakan fasiliti keselamatan seperti lampu jalan, perabot jalan dan papan tanda yang sesuai. Kementerian sentiasa mengambil maklum dan memohon peruntukan untuk merawat lokasi-lokasi di Jalan Persekutuan yang dikenal pasti sebagai lokasi blackspot

sekiranya memenuhi kriteria dan tertakluk kepada Agensi Pusat mengikut keutamaan dan ketersediaan agihan peruntukan pembangunan. Kriteria yang dimaksudkan adalah satu kawasan yang sering berlaku kemalangan sama ada 3 kemalangan sama jenis atau 5 kemalangan dari pelbagai jenis dalam tempoh 3 tahun di lingkungan 50 m radius atau 100m panjang jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan lokasi dan jarak setiap P-Turn yang dibina adalah mengikut spesifikasi had laju yang selamat dan berhampiran dengan kawasan berpenduduk tinggi. Fungsi utama P-Turn adalah untuk pengguna jalan raya belok ke laluan kanan, berhenti seketika di lorong yang disediakan dan meneruskan perjalanan sekiranya selamat untuk keluar dari P-Turn tersebut. Oleh itu, pengguna jalan raya sepatutnya tidak berhenti lama di P-Turn tersebut bagi memberi laluan kepada pengguna jalan raya yang lain. Namun, Kementerian mengakui ramai pengguna jalan raya masih belum memahami fungsi P-Turn.

Oleh itu, Kementerian ini dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak telah mengadakan beberapa siri kempen kesedaran bagi memberi pendedahan kepada pengguna jalan raya berhubung fungsi dan tatacara penggunaan P-Turn. Kempen kesedaran ini turut akan dikembangkan ke lokasi-lokasi yang merekodkan kes-kes kemalangan akibat salah guna P-Turn. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan Sarawak telah menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dalam memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya bagaimana untuk menggunakan P-Turn dalam masa terdekat.

Pemantauan keberkesanan akan terus dilaksanakan pada setiap masa oleh pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya terutamanya di kawasan *blackspots* yang telah dilaksanakan pembaikan di samping mengenal pasti lokasi-lokasi baharu di seluruh negara. Program ini akan diteruskan pelaksanaannya agar aspek keselamatan jalan raya sentiasa dapat dipertingkatkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI
TAIB AZAMUDDEN
[ALOR SETAR]**
TARIKH : **13 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

TUAN AFNAN HAMIMI BIN DATO' HAJI TAIB AZAMUDDEN [ALOR SETAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan hala tuju dan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian terhadap perkembangan bola sepak tanah air dengan peruntukan RM15 juta kepada FAM termasuk kriteria pemilihan skuad Harimau Malaya mengambil kira prospek pemain naturalisasi atau pemain warisan bergred 'A'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri pada 3 September 2024 telah mengumumkan peruntukan RM10 juta daripada kerajaan dan RM5 juta daripada pihak swasta kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk memastikan persiapan pasukan kebangsaan dibuat dengan lebih berstruktur dan dapat mempertingkatkan prestasi pasukan. Peruntukan ini akan dipantau secara berkala oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Belia dan Sukan. Sehubungan itu, FAM diminta untuk menyediakan;

- a) Indeks Prestasi Utama (KPI); dan
- b) pelan perancangan pasukan kebangsaan, termasuk skuad bawah 23 tahun kebangsaan;

Berkenaan pemain warisan atau pemain yang mempunyai pertalian darah keluarga dengan warganegara Malaysia, pihak FAM sememangnya mencari bakat-bakat baharu yang akan dikenalpasti dan dinilai oleh Ketua Jurulatih serta barisan Kejurulatihan Kebangsaan sebelum diserapkan ke Pasukan Kebangsaan.

Manakala, bagi pemain naturalisasi pihak FAM telah menghentikannya di peringkat kebangsaan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun, kelab bola sepak yang bernaung di bawah Malaysia Football League (MFL) masih boleh meneruskan program ini mengikut langkah dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah dana dan kadar kebergantungan industri kesihatan negara kepada pembelian vaksin import dan sejauh manakah kerjasama rentas Kementerian boleh disalinghubungkan bagi memanfaatkan kepakaran tempatan dalam penghasilan vaksin tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejumlah lebih RM 200 juta dibelanjakan oleh Kementerian Kesihatan secara tahunan bagi menampung perolehan vaksin untuk pemberian imunisasi kanak-kanak dan orang dewasa di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan.

2. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan masih bergantung sepenuhnya kepada vaksin yang diimport dari luar negara. Namun begitu, dalam usaha untuk membolehkan Malaysia mampu mengeluarkan vaksin tempatan, Kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Vaksin Negara pada 1 November 2021 bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar vaksin serta negara bersedia menghadapi pandemik pada masa hadapan.

3. Kerjasama rentas Kementerian diperkukuhkan bagi memanfaatkan kepakaran tempatan dalam penghasilan vaksin tempatan selaras dengan Pelan Pembangunan Vaksin Negara dan inisiatif ini diketuai oleh 2 kementerian iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan juga Kementerian Kesihatan.

4. Pengurusan Pelan Pembangunan Vaksin Negara adalah di bawah Pejabat Pengurusan Projek Pembangunan Vaksin Malaysia (MVPO), MOSTI yang menyelaraskan sesi libat urus pembangunan vaksin antara agensi kerajaan dan swasta. Manakala, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) bekerjasama dengan MVPO MOSTI dalam penyelidikan calon vaksin dan kajian vaksin pra-klinikal.

5. IMR juga merupakan urusetia bagi Jawatankuasa Rangkaian Kerjasama Vaksin (VCN) di bawah Kumpulan Kerja Sektoral Vaksin Malaysia (MVSWG). VCN dianggotai oleh pakar bidang vaksin dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta dan berperanan dalam mengesyorkan kepada MVSWG bagi perkara-perkara berikut:

(a) jenis vaksin untuk penyelidikan (pemuktamadan senarai

NO SOALAN : 17

vaksin yang dicadangkan di dalam pelan hala tuju ini);

- (b) jenis teknologi untuk dibangunkan, dipindahkan atau diperoleh peluang kerjasama tempatan, serantau dan global;
- (c) menilai penyelidikan Kerajaan dan swasta serta syarikat/ organisasi yang terlibat dalam penyelidikan, pembangunan dan pengeluaran vaksin terdiri daripada dalam dan luar negara;
- (d) memastikan terdapat kerjasama dengan pelbagai pertubuhan kesihatan global seperti WHO, GAVI, CEPI dan institut penyelidikan global lain;
- (e) memastikan aktiviti pembangunan vaksin di Malaysia mengikut piawaian dan garis panduan vaksin; dan
- (f) mengetahui dan memperoleh pengetahuan mengenai pembangunan vaksin, peraturan, audit dan pemasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan cadangan dan langkah yang telah atau sedang diambil pihak Kementerian bagi menangani kegagalan Malaysia dalam menggunakan teknologi rawatan tanah bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan negara sebagaimana dilaporkan oleh USDA 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kesuburan tanah merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran, produktiviti dan pertanian mampan. Kebanyakan negara tropika termasuk Malaysia, menghadapi cabaran berkaitan kesuburan tanah akibat taburan hujan dan kadar larut lesap unsur penting yang tinggi, tanah berasid dan degradasi tanah.

Pelbagai teknologi telah diguna pakai secara meluas di Malaysia menerusi program pengembangan yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Pihak penyedia teknologi swasta dari dalam dan luar negara turut melaksanakan perkara yang sama seperti:

- (i) penggunaan perapi tanah dengan menambah bahan seperti kapur atau sulfur untuk mengubah suai atau memperbaiki pH tanah bagi meningkatkan ketersediaan nutrien supaya baja yang dibekalkan dapat diserap oleh tanaman;
- (ii) penggunaan sumber bahan organik seperti bagi penghasilan kompos yang boleh digunakan untuk meningkatkan kesuburan serta kesihatan tanah di samping dapat menyeimbangkan penggunaan baja kimia;
- (iii) penggunaan biochar, bahan seperti arang yang dihasilkan daripada pirolisis biojisim yang bermanfaat untuk memperbaiki struktur tanah, pengekalan air dan ketersediaan nutrien;
- (iv) pembajakan yang minimum untuk memperbaiki struktur tanah yang padat dan ditambah dengan sumber bahan organik untuk memperbaiki struktur serta kualiti tanah bagi pertumbuhan tanaman yang baik;

NO SOALAN : 18

- (v) penyediaan sistem saliran dan pengairan yang baik supaya dapat meningkatkan produktiviti tanaman ke tahap yang optimum;
- (vi) penggunaan baja kimia untuk menampung kadar keperluan nutrien penting tanaman bagi meningkatkan produktiviti; dan
- (vii) memperkenalkan mikroorganisma yang bermanfaat kepada tanah dan tanaman untuk meningkatkan aktiviti biologi dan kitaran nutrien.

Pertimbangan pemilihan teknologi rawatan tanah bergantung kepada pelbagai faktor seperti jenis dan sifat tanah, keperluan tanaman, keberkesanan produk atau teknologi rawatan dan pertimbangan kos. Pertimbangan secara teliti faktor-faktor ini dan pemilihan teknologi yang sesuai, rawatan tanah yang dilaksanakan akan lebih berkesan dan dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran hasil tanaman dan kesihatan tanah selaras dengan pendekatan pertanian mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN
[BAKRI]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :- bagi menggalakkan lebih banyak penglibatan daripada majikan:

- a) adakah Kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh masa permohonan Projek Rintis Dasar Gaji Progresif (DGP) dan tempoh menerima insentif daripada 12 bulan ke 24 bulan; dan
- b) hasil kajian dalam pelaksanaan projek rintis ini dan adakah Kerajaan merancang memberi subsidi latihan kepada majikan yang memberikan latihan kemahiran kepada pekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek rintis Dasar Gaji Progresif (DGP) dilaksanakan mulai Jun hingga Ogos 2024. Sehingga **3 Oktober 2024**, seramai **1,892** majikan telah **membuka akaun** dan daripada jumlah tersebut seramai **776** majikan telah mengemukakan permohonan untuk menyertai projek rintis DGP. Bagi majikan yang telah membuka akaun, boleh terus mengemukakan permohonan menyertai projek rintis DGP tertakluk kepada peruntukan sedia ada.

Berhubung pelanjutan tempoh masa pemberian insentif kepada 24 bulan pula, Kerajaan kekal dengan keputusan untuk memberi insentif selama 12 bulan bagi projek rintis. Ini kerana projek rintis telah tamat dan telah memasuki fasa penilaian yang akan melihat ketersediaan dasar dan sistem untuk pelaksanaan menyeluruh DGP. Penilaian ini dijangka akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada November 2024.

Hasil kajian dalam pelaksanaan projek rintis menunjukkan terdapat isu dan cabaran terhadap pelaksanaan dasar, ketersediaan sistem, panduan gaji dan panduan latihan.

Menjawab kepada persoalan kedua, Kerajaan telah merancang memberi subsidi latihan kepada majikan yang menyediakan latihan kemahiran kepada pekerja seperti berikut:

- i. menyediakan insentif latihan khususnya di bawah DGP supaya majikan dapat memanfaatkannya untuk latihan berimpak tinggi seperti persijilan kepada pekerja;
- ii. mengutamakan majikan yang berdaftar dengan DGP dalam program SME Development oleh PSMB; dan

NO SOALAN : 19

- iii. menghubungkan kursus atau latihan yang tersedia dalam portal e-LATiH dengan keperluan atau saranan latihan dalam *Industrial Skills Framework* (IndSF) oleh PSMB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR
[KETEREH]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rasional menggantikan Kad Pesara Veteran Tentera kepada Kad Veteran Angkatan Tentera dan sekarang akan ditukar pula kepada Kad Digital. Pertukaran kad ini telah menimbulkan banyak masalah kepada pesara ATM yang berurusan di hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Surat Pekeliling KSU KKM Bil.11/2017 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Kaedah Pembiayaan Bekalan Ubat Dan Alat Kepada Pesara Di Fasiliti Kesihatan di Malaysia bertarikh 30 Jun 2024 telah dikeluarkan kepada semua agensi di bawah Kementerian Kesihatan sebagai panduan yang seragam untuk prosedur pembekalan/pembiayaan ubat dan alat kepada semua pesara perkhidmatan awam dan veteran berpencen (memiliki Kad Pesara Kerajaan Malaysia atau Kad Veteran ATM status Berpencen). Kemudahan ini turut dipanjangkan kepada pasangan pesara dan veteran ATM. Peruntukan bagi kemudahan perubatan bagi kedua-dua pesara awam dan veteran berpencen serta pasangan adalah di bawah peruntukan KKM.

2. Kad Veteran Digital pula merupakan kad pengenalan diri veteran versi digital sebagai alternatif kepada kad veteran manual (plastik) sedia ada. Selain menjadi salah satu usaha Jabatan untuk menyediakan pelbagai platform capaian maklumat dan perkhidmatan Jabatan, inisiatif ini juga merupakan komitmen berterusan JHEV ATM dalam pelaksanaan dasar digitalisasi Kerajaan. Kad Veteran Digital bukan sahaja boleh disimpan di dalam telefon mudah alih, dapat mengelakkan isu kehilangan, Kad Veteran tertinggal di rumah, malah turut dilengkapi dengan teknologi penyulitan tertinggi, 4096 bits untuk meningkatkan keselamatan kad tersebut.

3. Veteran ATM, pasangan serta balu yang layak boleh menggunakan Kad Veteran Digital ini sebagai pengesahan diri ketika hadir ke Hospital dan panel Pusat Dialisis JHEV ATM bagi mendapatkan perkhidmatan tanpa perlu menunjukkan ID fizikal seperti sebelum ini dan ianya lebih selamat. Penggunaan Kad Veteran Digital tersebut akan dapat memudahkan pengesahan maklumat kepada veteran, pasangan dan balu boleh dibuat secara masa nyata (*real time authentication*). Selain itu, Kad Veteran Digital akan memudahkan integrasi dengan aplikasi digital lain

bagi membolehkan veteran menikmati akses kepada kemudahan dan manfaat lain dengan mudah serta pantas kelak.

4. Bagi membolehkan veteran dapat menikmati kemudahan baharu yg disediakan ini, warga veteran boleh memuat turun Aplikasi VIBES 2.0 di *Google Playstore* dan *Apple Store* dengan segera. Sebarang pertanyaan berkaitan Kad Veteran Digital ini, pengguna boleh merujuk kepada FAQ Kad Veteran Digital atau menghubungi talian hotline JHEV ATM 03-26976600 utk maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN
MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan respon Kementerian terhadap peningkatan harga rumah yang meningkat sehingga 10- 15 peratus terutamanya di Lembah Klang dan juga 2-3 peratus bagi peningkatan kadar sewa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Selaras dengan prinsip MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat, Kerajaan sentiasa memberikan **komitmen yang berterusan** dalam **menyediakan program perumahan mampu milik** yang bertujuan memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**. Ini juga adalah selaras dengan matlamat Dasar Perumahan Negara (2018 – 2025). Namun, Kerajaan juga maklum bahawa antara cabaran dalam penyediaan perumahan ini adalah peningkatan harga rumah dan kadar sewaan rumah.

Kerajaan maklum bahawa antara cabaran dalam penyediaan perumahan ini adalah peningkatan dan kadar sewaan rumah. Berdasarkan kajian pihak industri dan institusi penyelidikan, **peningkatan harga rumah dipengaruhi pelbagai faktor** antaranya **lokasi rumah yang strategik, kos pembinaan rumah, kos infrastruktur, kos tanah, kos pematuhan (*compliance cost*) serta keuntungan pemaju**.

Berdasarkan Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia bagi Suku Pertama dan Kedua Tahun 2024 yang diterbitkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC), pada Suku Kedua (Q2) tahun 2024, **semua negeri mencatat pertumbuhan tahunan sederhana bagi indeks harga rumah iaitu antara 0.1% hingga 4.6%** berbanding Q2 tahun 2023. Pengecualian kepada trend ini ialah **Sabah**, yang menyaksikan **peningkatan sebanyak 3.5%**, manakala Kuala Lumpur mengalami **penurunan sebanyak 0.8%**.

Sebagai usaha Kerajaan untuk **memastikan kenaikan harga rumah adalah terkawal**, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan beberapa perkara berikut:

- i. memperkenalkan **Dasar Perumahan Mampu Milik (DRMM)**. Melalui DRMM ini, Kerajaan telah menetapkan **siling harga RMM pada RM300,000**. Walau bagaimanapun, siling harga RMM ini turut **tertakluk kepada dasar perumahan di peringkat negeri**;
- ii. melaksanakan **pemetaan harga RMM** berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperolehi daripada tinjauan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022. Kaedah ini mengambil kira **median pendapatan rakyat mengikut lokaliti berdasarkan kaedah gandaan median (*median multiple*)**. Pemetaan ini bertujuan sebagai panduan kepada pemaju serta agensi penyedia perumahan bagi penetapan harga jualan rumah di satu-satu lokaliti. Pemetaan harga RMM ini boleh diakses melalui **Dashboard Maklumat Rumah Mampu Milik** di laman web Malaysia *Urban Observatory* (MUO) iaitu <https://www.muo.gov.my>; dan
- iii. bagi inisiatif tempoh jangka masa panjang, KPKT sedang **membangunkan Sistem Analitis Data Raya (BDA) Perumahan** yang berperanan sebagai repositori data dan sumber rujukan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor perumahan khususnya melibatkan perancangan pemajuan perumahan.

Berhubung pasaran sewaan kediaman pula, berdasarkan **Laporan Pasaran Hartanah Bagi Tempoh Separuh Tahun Pertama (H1) tahun 2024** yang dikeluarkan oleh NAPIC, **pasaran sewa kediaman adalah stabil daripada aspek kadar sewaan di negeri-negeri utama. Peningkatan permintaan sewa kediaman yang tinggi juga direkodkan di kawasan Lembah Klang** terutamanya di kawasan bersebelahan atau berdekatan dengan sistem pengangkutan awam *Mass Rail Transit* (MRT) dan *Light Rail Transit* (LRT)

Selain itu, bagi memperkukuh kerangka perundangan dalam sektor sewaan kediaman, KPKT **sedang menggubal Rang Undang-undang (RUU) Sewaan Kediaman (*Residential Tenancy Act*, RTA)**. Cadangan

penggubalan ini adalah bagi **melindungi dan memelihara kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman** selain turut menyediakan **mekanisme penyelesaian** sekiranya wujud sebarang pertikaian dalam aktiviti sewaan kediaman kelak.

KPKT akan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan setiap rakyat mempunyai akses terhadap kediaman yang berkualiti dan kondusif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKAN**
menyatakan:

- (a) perancangan untuk memastikan kesejahteraan rakyat serta keterjaminan makanan apabila Malaysia dijangka mengalami musim kemarau menjelang 2025 dan dijangka berlarutan selama 10 tahun; dan
- (b) langkah jangka panjang Kementerian bagi menyelesaikan masalah gangguan bekalan air ke kawasan sawah seliaan KADA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa peka terhadap kesan perubahan iklim termasuk peningkatan risiko kemarau yang berpanjangan. Dalam hal ini, KPKM telah mengenal pasti beberapa strategi dan perancangan bagi menghadapi fenomena musim kemarau seperti berikut:

- (i) **Mempergiatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I)** untuk meningkatkan pengeluaran pertanian yang dapat beradaptasi dengan perubahan iklim. Contohnya, hasil penyelidikan daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menunjukkan varieti popular seperti MR297, MR315, MR307, MR284 dan MRQ76 mempunyai ciri toleran kepada keadaan kemarau sederhana yang kurang daripada 30 hari, manakala pembangunan varieti padi baharu toleran kepada kemarau panjang sedang dalam penilaian dan dijangka diperkenalkan dalam tahun 2026;
- (ii) **Melaksanakan sistem Penuaian Air Hujan (*Rainwater Harvesting*) dan pembinaan Telaga Tiub (*tube well*)** sebagai sumber air tambahan di kawasan pertanian semasa musim panas dan kemarau;
- (iii) **Menggunakan teknologi pengairan alternatif melalui kaedah *Safe Alternate Wetting and Drying (Safe AWD)*** yang memerlukan air yang minimum berbanding kaedah pertanian konvensional. Aplikasi teknik AWD ini dapat mengurangkan penggunaan air antara 15 hingga 40 peratus; dan
- (iv) **Menggalakkan penggunaan teknologi berasaskan iklim (*climate-based technology*) dan automasi** melalui pendekatan pertanian pintar iklim. Contohnya, penanaman dalam persekitaran terkawal (*Controlled Environment Agriculture*)

seperti kilang tanaman (*plant factory*) yang tidak dipengaruhi oleh perubahan cuaca.

Manakala, bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air khusus di kawasan sawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), KPKM kini sedang dan akan melaksanakan beberapa projek seperti berikut:

- (i) **Membina Stesen Pam Kemubu 3** yang boleh beroperasi pada aras air Sungai Kelantan yang lebih rendah dan dijangka siap pada 28 Mei 2025. Aras kebolehooperasian Stesen Pam Kemubu 3 adalah pada aras 2.0 meter berbanding aras Stesen Pam Kemubu 1 iaitu 4.9 meter dan Kemubu 2 pada 3.5 meter;
- (ii) **Membina Sistem Pam Boleh Alih bagi pengairan di Stesen Pam Kemubu dan Lemal** yang dijangka siap pada 21 Julai 2025. Sistem Pam Boleh Alih ini berkapasiti 700 Cusec dan boleh beroperasi pada aras Sungai Kelantan yang rendah iaitu pada aras 1.0 meter, manakala di Stesen Pam Lemal pula berkapasiti 350 Cusec serta boleh beroperasi pada aras 0.0 meter;
- (iii) **Melaksanakan kajian kemungkinan bagi pembinaan ampang jajar di Sungai Kelantan untuk Skim Pengairan Negeri Kelantan.** Perunding yang dilantik akan mula melaksanakan kajian pada hujung bulan November 2024. Kajian ini akan melihat kebolehlaksanaan pembinaan ampang jajar merentasi Sungai Kelantan bagi membekalkan air tanpa gangguan pada musim kemarau ke kawasan KADA, IADA Kemasin Semerak serta kawasan luar jelapang seluas 24,282 hektar; dan
- (iv) **Membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan bagi Skim Kumpulan Pengguna Air (KPA) Selatan 3** yang dijangka mula dilaksanakan pada tahun 2025. Projek ini melibatkan penaiktarafan tali air konkrit dan jalan ladang sepanjang 11,145 meter yang dapat meningkatkan kecekapan sistem pengairan dan saluran pertanian di kawasan tersebut. Ini membolehkan

NO SOALAN : 22

penjadualan musim penanaman padi yang lebih teratur bagi penanaman padi dua (2) kali setahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN
WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : **13 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini mangsa yang menghidapi kes Virus HFMD (Hand, Foot and Mouth Disease) di seluruh negara dan apakah langkah serius pihak Kementerian bagi menangani kes ini.

.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Analisis Kementerian Kesihatan ke atas data berkaitan kes penyakit Tangan, Kaki dan Mulut atau *Hand, Foot and Mouth Disease* (HFMD) setakat 28 September 2024 mendapati jumlah keseluruhan kes HFMD di seluruh negara bagi tahun 2024 adalah sebanyak 53,864 kes. Jumlah ini menunjukkan trend penurunan sebanyak 45% berbanding tempoh sama tahun 2023 iaitu sebanyak 97,174 kes.

2. Majoriti kes HFMD adalah melibatkan kanak-kanak berumur 1 hingga 6 tahun iaitu sebanyak 71% terutamanya di institusi pendidikan awal kanak-kanak seperti TASKA dan TADIKA/TABIKA. Kebanyakan kes HFMD sembuh dengan sendiri tanpa memerlukan rawatan khusus dan setakat ini tiada kes kematian dilaporkan antara tahun 2023 hingga 2024.

3. Kementerian Kesihatan telah pun mengambil beberapa langkah yang berikut bagi menangani penyakit ini, antaranya:

(a) **Pengawasan dan Pemantauan**

Kementerian telah memperketat pengawasan kes-kes HFMD melalui sistem pemantauan penyakit berjangkit bagi tujuan mengesan peningkatan kes secara lebih awal. Pemantauan ini membantu Kementerian dalam mengenal pasti kawasan berisiko dan melaksanakan tindakan pencegahan dengan segera.

(b) **Pendidikan dan Kesedaran**

Kementerian turut melaksanakan kempen kesedaran kesihatan secara meluas menerusi media sosial, poster, dan ceramah kesihatan bagi tujuan mendidik masyarakat berhubung gejala HFMD, cara penularan, dan langkah pencegahan yang perlu diambil. Penjaga dan guru juga diberi panduan berhubung cara menjaga kebersihan persekitaran terutamanya di tadika dan di sekolah. Selain itu, pengusaha TASKA dan TADIKA turut disaran untuk melaksanakan

saringan atau *gate keeping* agar kanak-kanak yang tidak sihat dan bergejala dibenarkan pulang bagi mengelakkan jangkitan kepada kanak-kanak lain.

(c) **Penutupan Institusi Pendidikan**

Sekiranya berlaku penularan wabak HFMD di tadika, prasekolah atau di sekolah, Kementerian Kesihatan menerusi kerjasama Kementerian Pendidikan menyarankan penutupan sementara institusi tersebut bagi tujuan pembersihan dan mengelakkan penularan lanjut.

(d) **Kebersihan Tangan dan Penjagaan Kesihatan**

Kementerian Kesihatan juga menggalakkan amalan kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan dengan sabun, terutamanya selepas menggunakan tandas dan sebelum makan. Pengusaha pusat perniagaan yang mempunyai taman permainan kanak-kanak turut disarankan agar mengambil langkah proaktif berkaitan pembersihan dan sanitasi bagi mengurangkan risiko penularan virus HFMD.

(e) **Rawatan dan Pengurusan Klinikal**

Kementerian Kesihatan turut menyediakan garis panduan berhubung pengurusan kes HFMD di klinik dan hospital termasuk penjagaan di rumah untuk kes ringan dan rawatan di hospital bagi kes jangkitan yang lebih serius.

(f) **Pemantauan tindakan pencegahan**

Kementerian juga menjalankan pemeriksaan kebersihan premis taska, tadika, tabika dan pra-sekolah bagi tujuan memastikan kebersihan peralatan dan perkakasan secara berkala oleh pemilik premis.

(g) **Pemantauan 'circulating' virus HFMD**

Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa memantau jenis virus HFMD menerusi surveilan makmal melibatkan 21 pusat sentinel HFMD. Surveilan ini bertujuan untuk mengesan jangkitan HFMD yang disebabkan oleh enterovirus 71 iaitu

NO SOALAN : 23

jangkitan yang boleh menyebabkan komplikasi serius termasuk myocarditis, encephalitis dan juga kematian. Setakat ini, tiada virus enterovirus 71 yang dikesan pada tahun 2024. Virus HFMD utama yang dikesan menyebabkan HFMD di Malaysia adalah dari jenis pan enterovirus dan coxsackie B virus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang diambil bagi menyelesaikan aduan berkaitan kelewatan bekalan serta penjualan Benih Padi Sah (BPS) yang melebihi harga ditetapkan Kerajaan; dan
- (b) penyelesaian terhadap isu pesawah yang terbeban dengan masalah harga belian padi, infrastruktur dan kenaikan harga diesel yang meningkatkan kos pengeluaran padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa meneruskan usaha untuk memastikan ketersediaan bekalan Benih Padi Sah (BPS) untuk kegunaan pesawah pada setiap kali musim penanaman padi dan dijual tidak melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan. Tidak dinafikan, terdapat segelintir pihak tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan pada setiap musim penanaman padi dengan memanipulasi bekalan dan harga BPS di pasaran.

Bagi menangani isu bekalan dan harga benih padi sah, berkuat kuasa 15 April 2024, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menguatkuasakan harga jualan maksimum benih padi sah bagi setiap kampil 20 kilogram sebanyak RM54 di pintu kilang manakala RM58 di peringkat runcit dengan had penyimpanan ditetapkan tidak melebihi 500 kampil. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan tegas di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dilaksanakan di sepanjang rangkaian program IBPS.

Berdasarkan aduan yang diterima, sebanyak 22 lesen runcit BPS telah dibatalkan kerana kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan. KPKM melalui Kawalselia Padi dan Beras bertegas tidak akan berkompromi ke atas mana-mana pihak yang cuba memanipulasi bekalan dan harga BPS antaranya sengaja tidak menjual kepada petani, menyorok bekalan dari pasaran, mengenakan syarat pembelian atau menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai kebimbangan pesawah mengenai harga belian padi, infrastruktur dan kenaikan harga diesel, Kerajaan komited untuk terus memperkukuh sokongan kepada pesawah. Pada masa ini, Kerajaan sedang mempertimbang cadangan untuk menyelaraskan harga baharu belian padi melalui kajian terperinci yang sedang

NO SOALAN : 24

dimuktamadkan. Di samping itu, kerja-kerja penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran di kawasan padi akan diteruskan secara berperingkat tertakluk kepada peruntukan kewangan yang disediakan.

Bagi menjawab kebimbangan mengenai kenaikan harga diesel, cadangan harga siling kos upah terkini berkuat kuasa pada 23 Ogos 2024 (Jumaat) telah disyorkan berdasarkan persetujuan daripada wakil pesawah dan penyedia perkhidmatan dalam sesi libat urus yang diadakan oleh KPKM. Inisiatif ini bertujuan bagi memastikan pesawah mampu untuk mendapatkan perkhidmatan pada kadar upah yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan bagi melaksanakan projek kerja menaik taraf atau membina bangunan baharu untuk menggantikan pasar Kuala Pilah yang telah terlalu lama dan usang bagi memastikan keselamatan dan keselesaan peniaga serta orang awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa memberi fokus untuk menangani permasalahan dan mensejahterakan ekonomi rakyat di peringkat kerajaan tempatan, selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI.

Di bawah Belanjawan 2024, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah memperuntukkan **empat (4) inisiatif berkaitan pembangunan sosio-ekonomi peniaga di kawasan pentadbiran semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** seluruh negara iaitu **Projek Menaik Taraf Gerai MADANI** sebanyak RM60 juta, **Projek Menaik Taraf Pasar Awam Uzur** sebanyak RM50 juta, **Projek Pembinaan Kiosk di Kawasan PBT** sebanyak RM10 juta dan **Projek Meningkatkan Tahap Kebersihan Gerai** sebanyak RM10 juta yang dilaksanakan melalui projek-projek BP.1 berskala kecil. Penyaluran peruntukan melalui BP.1 adalah meliputi **skop projek infrastruktur, kemudahan awam, keselamatan dan juga projek sosio-ekonomi seperti membina baharu, menaik taraf atau membaik pulih pasar awam, gerai, medan selera, kiosk, kedai dan lain-lain premis perniagaan milik PBT.**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, KPKT turut memberi tumpuan kepada **pelaksanaan projek-projek infrastruktur, sosio-ekonomi dan kemudahan awam berskala besar dengan kos projek melebihi nilai RM1 juta.** Melalui peruntukan ini, KPKT telah meluluskan beberapa projek berskala besar di seluruh negara umumnya, dan **Negeri Sembilan tidak terkecuali untuk turut menerima manfaat ini.** Antara projek yang terlibat adalah **Projek Pembinaan Pasar Baru Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan yang telah siap pada 25 September 2023.** Pelaksanaan projek-projek ini membuktikan Kerajaan MADANI mengagihkan peruntukan pembangunan secara adil kepada Kerajaan Negeri demi kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

NO SOALAN : 25

Berhubung persoalan yang dibangkitkan, **KPKT telah mengambil langkah proaktif dengan mengemukakan permohonan** daripada Majlis Daerah Kuala Pilah **kepada Kementerian Ekonomi bagi projek Membina Baru Pasar Besar Kuala Pilah untuk dipertimbangkan dalam *Rolling Plan* Lima RMKe-12 dengan anggaran kos berjumlah RM12 juta.** Permohonan ini sangat signifikan memandangkan **usia struktur bangunan yang terlalu lama serta uzur dan tidak lagi sesuai untuk dibaik pulih dari segi ekonomik** kerana bentuk muka bumi berbukit yang menyukarkan akses oleh pelanggan.

Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa permohonan berjumlah RM12 juta oleh KPKT telah pun diluluskan di bawah Belanjawan Tahun 2025. Projek tersebut akan mula dilaksanakan pada tahun 2025 meliputi penyediaan lot perniagaan yang lebih tersusun dan tertumpu bagi menarik pengunjung ke pasar memandangkan ruang niaga sedia ada perlu penyelarasan semula bersesuaian dengan keadaan semasa dari segi jumlah peniaga, pembeli dan pengunjung. Pembangunan semula pasar ini dijangka akan dapat menyediakan persekitaran yang lebih selesa kepada semua penduduk di daerah Kuala Pilah khususnya.

Kerajaan MADANI melalui KPKT komited dalam usaha merencanakan aktiviti ekonomi rakyat, sekali gus membugarkan ekonomi negara. Inisiatif ini akan dapat memulih dan meningkatkan taraf ekonomi penjaja dan peniaga kecil di samping menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif di tempat tumpuan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam menstabilkan bekalan beras tempatan yang masih berkurangan dan tidak menampakkan sebarang penyelesaian sehingga ke hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, industri padi dan beras di Malaysia adalah sangat penting dan strategik serta sensitif kepada ekonomi, sosial dan politik negara. Industri ini memberikan pekerjaan kepada lebih 230 ribu pesawah dan menyediakan bekalan beras putih tempatan (BPT) kepada hampir 20 juta rakyat Malaysia, dan sebahagian lagi ditampung melalui beras putih import (BPI). Tidak dinafikan bahawa industri ini bergantung tinggi kepada bantuan dan subsidi Kerajaan yang berjumlah tidak kurang daripada RM1.8 bilion hingga RM2.4 bilion setahun, tetapi dalam masa yang sama industri ini memberikan pulangan nilai ekonomi sebanyak RM9 bilion hingga RM12.0 bilion setahun (ratio 1:9).

Pulangan ekonomi yang besar ini dinikmati bukan sahaja oleh pesawah dan pengguna, tetapi juga kepada para pemain industri di sepanjang rantai nilai yang terdiri daripada pembeli padi, pengilang padi, pemborong beras, pengedar dan peruncit beras yang berjumlah lebih 41,000 pelesen di seluruh negara.

Kementerian sedar bahawa pada masa ini kos pengeluaran padi di semua peringkat telah meningkat secara mendadak, lebih-lebih lagi apabila Kerajaan telah memperkenalkan program penyasaran semula subsidi bahan api diesel yang turut memberi kesan kepada industri padi dan beras.

Ini ditambah pula apabila struktur harga jualan padi dan beras di Malaysia masih terikat dengan kadar harga lama yang dilihat tidak lagi kompetitif. Pihak Kementerian dan Kerajaan melalui pelbagai platform telah meneliti dan membincangkan isu ini dengan berhati-hati, termasuk di dalam Mesyuarat NACCOL, FSCC, serta di lain-lain platform berkaitan.

Menyedari bahawa terdapat keperluan segera untuk menangani isu struktur harga ini, Kementerian akan segera melaksanakan kajian yang komprehensif oleh pakar-pakar yang berkelayakan bagi mengkaji, meneliti dan mencadangkan suatu struktur harga padi dan beras yang baharu yang mampu memberikan manfaat dan menjaga kepentingan pesawah di peringkat pengeluaran, para pengilang, pemborong dan peruncit di peringkat pemprosesan dan pengedaran, serta pengguna di peringkat akhir. Kajian ke atas struktur harga padi dan beras ini merupakan satu daripada empat langkah utama yang diumumkan di bawah Program Reformasi Industri Padi dan Beras negara yang telah dimulakan seawal September 2024 lalu. Ia juga adalah selari dengan hasrat YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Perpaduan untuk mensejahterakan semua kelompok rakyat dan memastikan agihan kekayaan sama rata di bawah Ekonomi Madani. Kajian ini dijangka dapat dilengkapkan dalam tempoh enam hingga lapan bulan.

Selain itu, keberadaan BPT dalam pasaran juga ada kaitan rapat dengan aspek keberkesanan kawal selia dan penguatkuasaan Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994 [Akta 522]. Oleh itu, KPKM akan juga memberikan tumpuan kepada aspek ini bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan untuk melakukan manipulasi ke atas komoditi padi dan beras tempatan yang sangat signifikan dan penting kepada kehidupan rakyat dan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk memperluas Pakej Rahmah Prabayar Siswa dengan menambah kelayakan buat pemilik akaun pascabayar talian tambahan (*supplementary account*) daripada akaun utama yang dimiliki oleh ibu bapa pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pakej RAHMAH Prabayar Siswa adalah tawaran pakej prabayar (*prepaid*) untuk golongan pelajar lepasan menengah yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang terpilih. Pakej ini bertujuan untuk menangani peningkatan kos sara hidup menerusi penyediaan perkhidmatan komunikasi asas yang penting dengan kos ketersambungan (*connectivity*) yang lebih rendah dan tempoh sah laku (*validity*) yang lebih panjang.

Pakej RAHMAH Prabayar Siswa telah ditawarkan bermula pada 16 Ogos 2024, dengan tawaran harga tidak melebihi RM30, data permulaan internet minimum 30GB dan tempoh sah laku selama 180 hari. Pemohon untuk pakej ini perlu mengemukakan dokumen rasmi untuk pengesahan identiti pelajar bagi tujuan pendaftaran.

Pada masa ini, Kerajaan belum mempunyai rancangan untuk memperluas pakej ini kepada pemilik akaun pascabayar talian tambahan. Namun, Kerajaan akan terus meneliti keperluan dan permintaan masyarakat dan akan mempertimbangkan perluasan pakej ini jika diperlukan pada masa hadapan. Kerajaan komited untuk memastikan semua pelajar mempunyai akses internet yang memadai untuk mendapatkan sumber pendidikan yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah Kementerian dalam membantu meningkatkan hasil pertanian di kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor setelah pendapatan mereka menyusut pada musim lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

jumlah keluasan kawasan jelapang padi IADA Barat Laut Selangor adalah sebanyak 18,854 hektar meliputi penanaman di empat (4) parlimen iaitu Parlimen Kuala Selangor, Parlimen Tanjong Karang, Parlimen Sungai Besar dan Parlimen Sabak Bernam. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi bagi tahun 2022, purata hasil yang direkodkan adalah 4.337 tan metrik/hektar berbanding 4.319 tan metrik/hektar yang direkodkan pada tahun 2021.

Penyusutan ini secara tidak langsung akan menjejaskan pendapatan pesawah. Penyusutan hasil sejak kebelakangan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah perubahan cuaca semasa dan keadaan cuaca yang tidak menentu, serangan serangga dan penyakit yang semakin meningkat, tahap kesuburan dan kesihatan tanah yang rendah, saliran dan pengairan serta sikap pesawah sendiri. Bagi membantu meningkatkan hasil padi di IADA Barat Laut Selangor, berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil oleh KPKM:

- (i) membina dan menaiktaraf infrastruktur sawah dengan memberi perkhidmatan mencuci parit sawah dan membaiki batas di semua lot sawah secara berperingkat melibatkan keluasan 7,400 hektar;
- (ii) menjalankan program pemuliharaan dan peningkatan kesuburan tanah dengan bahan perapi kesuburan tanah melibatkan keluasan 3,423 hektar dan bahan pereput jerami seluas 2,200 hektar pada tahun ini;
- (iii) membantu pesawah dengan pemberian input-input tambahan seperti bahan penggalak akar, baja foliar, racun serangga dan racun kulat serta menjalankan aktiviti-aktiviti pengembangan pertanian di kawasan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pesawah tentang *Rice Check* dan amalan pertanian baik;

- (iv) melaksanakan Program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) dan Program Lestari 5 yang mana dapat mengukuhkan lagi amalan pertanian baik di ladang dengan memberi perhatian di kawasan-kawasan yang berhasil rendah;
- (v) menyediakan peruntukan pembangunan sejumlah RM8.4 juta bagi program pertanian di IADA Barat Laut Selangor bagi tahun 2024 yang memanfaatkan seramai 5,000 orang pesawah; dan
- (vi) Jabatan Pertanian Negeri Selangor juga menyediakan peruntukan pembangunan tanaman padi melalui Program Peningkatan Hasil Padi bagi tahun 2024 sebanyak RM1.0 juta di kawasan jelapang padi Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Di-Pertua, dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh KPKM telah berjaya meningkatkan hasil padi di kawasan jelapang IADA Barat Laut Selangor. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi terkini bagi tahun 2023, hasil padi telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.23 tan metrik per hektar daripada 4.319 tan metrik per hektar pada tahun 2022 kepada 4.577 tan metrik per hektar pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi saksama di negeri-negeri utara seperti Kedah dan Perlis, yang mengalami penghijrahan tenaga mahir ke negeri-negeri selatan seperti Johor dan Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seiring dengan konsep MADANI yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Kerajaan sentiasa berusaha ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri, termasuk isu mengenai penghijrahan tenaga mahir.

2. Dalam hubungan ini, di bawah strategi mempergiat pembangunan wilayah di kawasan pertumbuhan yang berpotensi, Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan komited untuk mempergiat program pembangunan bakat untuk mengekalkan tenaga mahir bagi mengelakkan migrasi. Langkah ini akan menggalakkan aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan wilayah yang lebih seimbang.

3. Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM942.85 juta di Kedah dan Perlis bagi mewujudkan kawasan perindustrian baharu di bawah RMKe-12 antaranya seperti berikut:

- i. Projek Kemudahan Infrastruktur di Kawasan Pembangunan Lembah Chuping dengan kos RM723.7 juta;
- ii. Pembangunan infrastruktur asas zon industri Fasa 5 di Kulim Hi-Tech Park dengan kos RM132 juta*;
- iii. Projek Pembangunan NCER Agribio Economic Zone (NAEZ) Di Chuping dengan kos RM80 juta; dan
- iv. Projek cadangan menyediakan kemudahan infrastruktur di Nakawan *Border Industrial Park*, Padang Besar, Perlis dengan kos RM7.15 juta.

4. Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) juga telah membangunkan Projek Kedah Rubber City (KRC) yang melibatkan penyediaan infrastruktur asas tapak perindustrian Fasa 1, seluas 500 ekar. NCIA menawarkan pakej insentif cukai khas kepada pelabur-pelabur di KRC, seperti pengecualian cukai pendapatan korporat syarikat untuk menarik pelabur. NCIA juga turut menekankan pembangunan bakat di KRC dengan menawarkan program-program untuk menyokong aktiviti penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi oleh syarikat tempatan, serta program membolehkan para pekerja mendapatkan pensijilan untuk pengkhususan kemahiran (*specialisation*).

5. Dengan adanya kawasan perindustrian baharu di negeri-negeri tersebut, peluang pekerjaan dapat diwujudkan melalui kemasukan pelaburan yang secara tidak langsung dapat mengurangkan penghijrahan tenaga mahir ke negeri lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA)
[LUMUT]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA)
[LUMUT]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan faedah kebajikan yang diterima oleh balu dan ahli keluarga Allahyarham Laskar Kelas (LK) I Arman San Hermansa yang terkorban sewaktu melaksanakan kerja-kerja salvaj kapal peronda KD Pendekar di perairan Tanjung Penyusop, Johor seperti kenaikan pangkat secara posthumous.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah memastikan semua proses pembayaran faedah, ganjaran dan pampasan disempurnakan dengan secepat mungkin bagi mengurangkan impak kepada keluarga mangsa. Proses pembayaran pencen dan ganjaran perkhidmatan sedang dilaksanakan dan akan disalurkan kepada waris yang layak dalam tempoh terdekat.

2. Diperingkat awal kemalangan, bantuan segera berbentuk tenaga kerja (pengurusan jenazah), pengangkutan, kaunseling dan kewangan (khairat kematian/derma kilat) telah disediakan untuk semua waris mangsa. Secara umumnya terdapat **3 kategori** pampasan dan ganjaran perkhidmatan akan diagihkan kepada waris mengikut kelayakan masing-masing seperti berikut:

- a) **Pencen dan ganjaran dari Perkhidmatan/Kerajaan.**
Pencen perkhidmatan dibayar secara bulanan dan ganjaran perkhidmatan mengikut kelayakan mangsa telah diterima oleh waris pada 7 Okt 24.
- b) **Caruman Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).**
Pencarum akan menerima pampasan yang dikreditkan terus ke akaun waris setelah borang pengeluaran caruman dan borang penerima wasi diterima dari pihak waris.
- c) **Caruman Koperasi Tentera.** Penyerahan cek pampasan kematian Skim Takaful Berkelompok ATM (STBATM) Koperasi Tentera akan dilaksanakan setelah pihak Koperasi Tentera menerima laporan *postmortem*.

3. Pihak ATM akan terus memantau dan membantu ahli keluarga dalam memastikan urusan kebajikan terjamin. Ianya seiring dengan Fokus ke-3 Kementerian Pertahanan iaitu Kebajikan dan Pembangunan Kapasiti. Fokus ke-3 ini menekankan perihal kebajikan dan kemaslahatan anggota serta bekas perajurit supaya sentiasa berada dalam radar perhatian kementerian Pertahanan dan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKHTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKHTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif yang diambil untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi penduduk Kinabatangan, termasuk program latihan kemahiran, pembangunan modal insan dan usaha untuk menarik pelabur bagi membuka peluang pekerjaan baharu di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik PERKESO sehingga 27 September 2024 **jumlah kekosongan jawatan aktif adalah sebanyak 125,956 kekosongan jawatan** telah diiklankan dalam portal MYFutureJobs. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **9,182** kekosongan jawatan aktif di negeri Sabah termasuk kawasan Kinabatangan. Jumlah pencari kerja aktif di negeri Sabah dalam tempoh yang sama adalah seramai **61,019** orang.

KESUMA melalui PERKESO sentiasa berusaha meningkatkan peluang pekerjaan bagi pencari kerja di seluruh negara termasuk bagi penduduk Kinabatangan melalui program latihan meningkatkan kemahiran (*upskilling*) dan kemahiran baharu (*reskilling*) serta pembangunan modal insan dan juga menyediakan faedah insurans pekerjaan bagi membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan.

i. **Program Latihan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan**

PERKESO telah melaksanakan beberapa program latihan digital dan keselamatan seperti Program *Digital Marketing*, Program *Drone Operation*, dan Program *Safety and Health Officer* di bawah Sistem Insurans Pekerjaan. Program-program ini bukan sahaja membantu pencari kerja meningkatkan kemahiran mereka, tetapi juga membuka peluang pekerjaan dalam sektor teknologi yang sedang berkembang pesat.

- ii. PERKESO turut menyediakan faedah insurans pekerjaan bagi membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan melalui program latihan semula dengan izin (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*). Setakat September 2024, seramai 3,005 peserta telah diberi kelulusan untuk mengikuti program ini, dengan 75.94 peratus daripada mereka berjaya mendapat pekerjaan selepas tamat latihan.

Selain itu, terdapat dua (2) Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di bawah seliaan KESUMA iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP)

Kota Kinabalu dan ILP Sandakan yang berdekatan dengan N.10 USUKAN yang melaksanakan **latihan TVET** untuk membangunkan tenaga mahir bagi kawasan sekitarnya.

Pada masa yang sama juga, terdapat beberapa lagi institusi TVET di bawah kendalian kementerian-kementerian yang beroperasi di Sabah termasuklah Politeknik Kota Kinabalu, Kolej Komuniti Penampang, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kinarut, Kolej Vokasional Likas, Institut Kemahiran Mara (IKM) Kota Kinabalu, dan GIATMARA Putatan yang berpotensi untuk turut menyediakan peluang latihan kepada penduduk di N.10 USUKAN.

Di bawah bajet 2024, Kerajaan MADANI telah menyalurkan insentif kepada KESUMA menerusi PERKESO bagi meningkatkan pekerja berkemahiran termasuk mereka yang berada luar bandar, antaranya:

- i. Menyediakan **Program Bina Kerjaya 2.0** yang merupakan program pembangunan kerjaya yang dikhususkan kepada pekerja sektor tidak formal yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Diploma dan ke bawah bagi meningkatkan potensi serta memperoleh peluang pekerjaan melalui pengajian dan pensijilan *micro-credentials* atau profesional atau kompetensi. Program yang dijalankan menerusi Bina Kerjaya ini juga memberi tanggungan bayaran latihan sehingga RM4,000 mengikut kategori persijilan dan elaun Latihan berjumlah RM30 sehari untuk tempoh maksima 20 hari. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh 1 Januari sehingga 20 September 2024, sebanyak 22,807 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,053 permohonan telah diluluskan melibatkan bayaran sebanyak RM 19.75 juta;
- ii. **Menyediakan Skim Program Peningkatan Kemahiran** untuk semua lantikan MySTEP di bawah platform MYFutureJobs. MYFutureJobs berperanan padanan pekerjaan kepada mereka untuk membina kerjaya masa depan dan meraih pendapatan yang lebih tinggi. Inisiatif ini akan menawarkan 50 ribu peluang

pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan atau GLC bermula Januari 2024;

- iii. **Menyediakan Pusat Penempatan dan Penerokaan Kerjaya Kebangsaan** sebagai lokasi sehenti untuk pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan dengan peruntukan sebanyak RM7.25 juta; dan
- iv. **Menyediakan Geran Eksplorasi Kerjaya** dengan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk 108,000 pelajar di 2,400 buah sekolah seluruh negara. Objektif pelaksanaan Program Eksplorasi Kerjaya adalah bagi memberi pendedahan kepada golongan pelajar dan juga guru kaunseling kerjaya di sekolah.

KESUMA menerusi JPK telah bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk membuka peluang kepada warga tempatan dan menggalakkan penglibatan syarikat-syarikat dalam menawarkan latihan sambil bekerja mengikut keperluan industri kepada masyarakat setempat terutamanya di kawasan luar bandar melalui program **Akademi Dalam Industri (ADi)** termasuk di kawasan Kinabatangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah jambatan bagi menghubungkan jalan utama ke Gunung Jerai telah dibuat kajian untuk pembinaanya memandangkan kesesakan dengan pelancong yang semakin meningkat. Sekiranya dalam proses kajian nyatakan tempoh masa yang diambil bagi menyelesaikan isu kesesakan pada musim cuti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan persekutuan ke Gunung Jerai ialah Jalan Alor Setar – Butterworth (FT1).

Kementerian ini mengambil maklum masalah kesesakan yang dimaklumkan di Jalan Alor Setar – Butterworth (FT1). Berdasarkan data terkini daripada stesen bancian lalulintas di laluan berkenaan mendapati Tahap Perkhidmatan Jalan (Level of Service, LOS) di Jalan Alor Setar – Butterworth (FT1) berada pada tahap LOS C iaitu aliran trafik stabil dengan sedikit kelewatan. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan jalan sedia ada masih lagi mampu menampung aliran trafik.

Walaupun, Kementerian ini mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan dan mengesyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan kajian tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri atau JKR Negeri untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang.

Prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini apabila dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri pada masa yang akan datang dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa

terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan bilangan graduan tempatan untuk doktor pelatih (housemanship) di Sabah dalam jumlah yang mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat September 2024, sebanyak 6,555 slot latihan siswazah perubatan telah diisi meliputi 6,267 pegawai perubatan siswazah di hospital latihan siswazah Kementerian Kesihatan dan 288 pegawai perubatan siswazah di hospital pengajar Kementerian Pengajian Tinggi. Pengisian slot latihan ini akan terus dilaksanakan menerusi 6 urusan pengambilan bagi mengisi baki kekosongan slot latihan sedia ada.

2. Berhubung latihan siswazah di Sabah, penempatan dibuat berdasarkan pilihan oleh pegawai menerusi sistem *eHousemen* mengikut jumlah slot yang tersedia di 4 hospital latihan siswazah di Sabah iaitu Hospital Queen Elizabeth, Hospital Duchess of Kent Sandakan, Hospital Tawau dan Hospital Keningau. Setakat September 2024, sebanyak 463 atau 50.8% daripada keseluruhan 910 slot latihan siswazah perubatan di Sabah telah diisi oleh pegawai perubatan siswazah.

3. Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kadar pengisian yang rendah ini, antaranya ialah:

- (a) kerana ingin berada berdekatan atau tinggal dengan pasangan;
- (b) mempunyai anak yang masih kecil; dan
- (c) ingin berdekatan dengan ibu bapa di wilayah asal.

4. Antara inisiatif yang dilakukan untuk meningkatkan jumlah pegawai untuk berkhidmat di Sabah adalah:

- (a) memberi keutamaan kepada graduan perubatan anak kelahiran Sabah untuk mengisi slot latihan siswazah perubatan di Sabah; dan
- (b) mengadakan sesi libat urus bersama dengan pelajar perubatan di Universiti Awam dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta.

5. Bagi tujuan memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan di Sabah, Kementerian Kesihatan sentiasa komited untuk mengisi secara optimum kekosongan jawatan pegawai perubatan dan juga meningkatkan lagi penempatan pegawai perubatan kontrak di Sabah.

6. Dalam masa yang sama, saya menyeru semua pihak yang terlibat terus bekerjasama untuk menarik minat pelajar-pelajar mengambil jurusan perubatan kerana:

- (a) skim perubatan mempunyai gred dan gaji yang lebih menarik berbanding skim perkhidmatan lain;
- (b) selain imbuhan tetap, skim perubatan juga diberikan elaun lain seperti elaun waktu bertugas fleksi untuk pegawai perubatan siswazah sebanyak RM600 setiap bulan, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sebanyak RM750 sebulan dan Bayaran Insentif Wilayah; dan
- (c) Kerajaan juga menyediakan peluang kepada pegawai untuk melanjutkan pengajian kepakaran dengan tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) berjumlah RM108,000 bagi tempoh pengajian selama 4 tahun dan bagi pengajian subkepakaran dengan tajaan HLP berjumlah RM150,000 untuk keseluruhan tempoh pengajian. Pada tahun 2024, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM166.7 juta bagi biasiswa penajaan program kepakaran.

7. Dengan pelaksanaan inisiatif ini, diharapkan jumlah lantikan Pegawai Perubatan Siswazah akan dapat ditingkatkan dan seterusnya menambah jumlah penempatan latihan siswazah perubatan di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN
[KANGAR]
TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha-usaha untuk memperkasakan kembali program RTG memandangkan Malaysia gagal mendapatkan emas pada Olimpik Paris 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah melaksanakan Projek Road to Gold (RTG) pada bulan Mac 2023 dan bertujuan untuk menyelaraskan usaha negara bagi mendapatkan pingat emas pertama pada 2 kitaran Olimpik iaitu Sukan Olimpik Paris 2024 dan Sukan Olimpik Los Angeles 2028. Projek RTG berperanan untuk menyediakan perkhidmatan tambahan dalam program latihan merangkumi elemen pengurusan atlet, pengurusan kejurulatihan, pendedahan pertandingan dalam dan luar negara, kem latihan dalam dan luar negara, khidmat sokongan, perubatan dan sains sukan serta sekretariat luar negara.

Selain itu, Jawatankuasa RTG telah meluluskan inisiatif baharu iaitu Program *RTG Fast Track*. Program ini merupakan persiapan khusus ke arah Sukan Olimpik Los Angeles 2028. Seramai 6 orang atlet muda berumur bawah 25 tahun daripada sukan Skuasy dan Akuatik Terjun telah dipilih di bawah program ini. Jumlah ini dijangka akan bertambah dengan peningkatan prestasi beberapa atlet muda negara seperti Nurul Izzah dari sukan berbasikal, trio memanah wanita negara iaitu Syaqiera Mashayikh, Ariana Nur Dania Mohamad Zairi dan Nurul Azreena Mohamad Fazil yang telah menduduki ranking 20 terbaik dunia.

Mesyuarat Jawatankuasa RTG akan diadakan pada 20 November 2024 untuk mengkaji kriteria sedia ada bagi mengenalpasti atlet-atlet yang layak berada di bawah program ini. Selain itu, Jawatankuasa RTG juga akan mengadakan kerjasama dengan semua pemegang taruh selain mendapatkan khidmat kepakaran daripada Nippon Sport Science University, Jepun (NSSU) bagi menambahbaik persiapan atlet ke arah Sukan Olimpik Los Angeles 2028.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah peruntukan projek bagi tahun 2024 untuk kerja naik taraf jalan perhubungan desa, ameniti sosial dan pemasangan lampu jalan solar di kawasan Parlimen Serian dan berapa jumlah projek yang telah dilaksanakan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM93.276 Juta bagi projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan RM8.782 Juta bagi Program Ameniti Sosial (PAMS) untuk Wilayah Sarawak sepanjang tahun 2024.

Sehingga 4 November 2024 sebanyak 11 projek JPD dengan peruntukan berjumlah RM4.075 Juta telah diluluskan pelaksanaan di Parlimen Serian.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2024 Kementerian hanya melaksanakan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung dengan pemasangan lampu jenis *light emitting diode* (LED) pada tiang sedia ada milik Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB) di Sarawak. Program Pemasangan LJK Negeri Sarawak Tahun telah memasuki Fasa 8 pada tahun ini. Sebanyak 65 unit LJK telah diperuntukkan bagi Parlimen Serian melibatkan sebanyak 10 buah kampung. Kerja-kerja pemasangan akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga projek ini selesai iaitu pada 19 Mac 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bajet penyelenggaraan jalan dan lampu jalan bagi Jalan Persekutuan FT077 Pengkalan Hulu ke Betong, Thailand seperti yang pernah diminta sebelum ini masih tiada jawapan dan tindakan. Mohon perkara ini dipandang serius memandangkan ianya laluan utama antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Parlimen Gerik Jalan Persekutuan yang terlibat adalah laluan FT04, Lebuhraya Timur - Barat, FT076 Jalan Baling – Pangkalan Hulu, FT077 Jalan Pangkalan Hulu – Betong, FT1157 Jalan Leping Nenering dan FT1146 Jalan Felda Bersia sepanjang 212.3 km yang disenggara oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan.

Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan bagi kerja-kerja penyenggaraan di Jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Parlimen Gerik adalah berjumlah RM18.72 juta untuk tahun 2022 dan RM75.23 juta untuk tahun 2023.

Sehingga Oktober 2024, Kementerian ini telah meluluskan peruntukan sebanyak RM17.39 juta di Jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Parlimen Gerik.

Kelulusan kerja-kerja ini merangkumi RM5.4 juta bagi kerja-kerja Penyenggaraan Rutin, RM10.29 juta bagi Program Penyenggaraan Berkala Pavemen, RM0.4 juta bagi Program Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen, RM0.6 juta bagi Program Penyenggaraan Jambatan dan RM0.7 juta bagi Program Penyenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat.

Kementerian ini memahami isu yang dibangkitkan melibatkab bajet penyelenggaraan jalan dan lampu jalan melibatkan laluan FT077 Jalan Pangkalan Hulu - Betong sepanjang 6.16 km di dalam kawasan Parlimen Gerik.

Sehingga Oktober 2024, Kementerian ini telah menyalurkan peruntukan bagi Penyenggaraan Rutin yang melibatkan kerja penyenggaraan pavemen, penyenggaraan bahu jalan, potong rumput R03, perabot jalan, mencuci jambatan dan pembedung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin iaitu sebanyak RM152 ribu.

Selain itu, Kementerian ini telah meluluskan kerja-kerja penyenggaraan lampu jalan / lampu isyarat sebanyak RM150 ribu di laluan yang FT077 yang melibatkan dua (2) kerja iaitu kerja-kerja naik taraf dan pembaikan lampu isyarat lintasan pejalan kaki (di hadapan Sekolah Kebangsaan Ayer Panas) dan kerja-kerja pemasangan lampu jalan jenis solar LED. Kesemua kerja-kerja ini telah siap dilaksanakan.

Kementerian ini telah mengenalpasti kerosakan permukaan jalan yang dianggarkan berjumlah RM6.5 juta bagi Program Berkala Pavemen manakala RM0.9 juta bagi Program Berkala Bukan Pavemen di laluan tersebut. Namun begitu, kelulusan kerja ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA
[SELANGAU]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah terdapat peruntukan khusus bagi kawasan Selangau di bawah RM100 juta yang disediakan untuk membaik pulih klinik-klinik kesihatan dan kuarters di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Klinik Kesihatan Tepus, Selangau merupakan salah satu daripada tujuh fasiliti yang terlibat dengan Projek Naik Taraf Fasiliti dan Klinik Daif KKM di Sarawak yang peruntukannya telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan balas di Majlis Makan Malam Sambutan Gawai Dayak pada 23 Jun 2024.
2. JKR Sarawak telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana projek ini dan Jabatan tersebut kini sedang melaksanakan kerja ukur tanah dan menyediakan anggaran kos projek.
3. Berdasarkan perancangan JKR Sarawak, projek ini dijadualkan akan ditender pada bulan Disember 2024. Kerja-kerja di tapak akan bermula pada Februari 2025 dan dijangka siap pada Disember 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perincian mengenai penetapan harga siling beras putih tempatan (BPT) serta tindakan susulan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan kelangsungan industri beras bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, industri padi dan beras di Malaysia adalah sangat penting dan strategik serta sensitif kepada ekonomi, sosial dan politik negara. Industri ini memberikan pekerjaan kepada lebih 230 ribu pesawah dan menyediakan bekalan beras putih tempatan (BPT) kepada hampir 20 juta rakyat Malaysia, dan sebahagian lagi ditampung melalui beras putih import (BPI). Tidak dinafikan bahawa industri ini bergantung tinggi kepada bantuan dan subsidi Kerajaan yang berjumlah tidak kurang daripada RM1.8 bilion hingga RM2.4 bilion setahun, tetapi dalam masa yang sama industri ini memberikan pulangan nilai ekonomi sebanyak RM9 bilion hingga RM12.0 bilion setahun (ratio 1:9).

Pulangan ekonomi yang besar ini dinikmati bukan sahaja oleh pesawah dan pengguna, tetapi juga kepada para pemain industri di sepanjang rantai nilai yang terdiri daripada pembeli padi, pengilang padi, pemborong beras, pengedar dan peruncit beras yang berjumlah lebih 41,000 pelesen di seluruh negara.

Kementerian sedar bahawa pada masa ini kos pengeluaran padi di semua peringkat telah meningkat secara mendadak, lebih-lebih lagi apabila Kerajaan telah memperkenalkan program penyasaran semula subsidi bahan api diesel yang turut memberi kesan kepada industri padi dan beras.

Ini ditambah pula apabila struktur harga jualan padi dan beras di Malaysia masih terikat dengan kadar harga lama yang dilihat tidak lagi kompetitif. Pihak Kementerian dan Kerajaan melalui pelbagai platform telah meneliti dan membincangkan isu ini dengan berhati-hati, termasuk di dalam Mesyuarat NACCOL, FSCC, serta di lain-lain platform berkaitan.

Menyedari bahawa terdapat keperluan segera untuk menangani isu struktur harga ini, Kementerian akan segera melaksanakan kajian yang komprehensif oleh pakar-pakar yang berkelayakan bagi mengkaji, meneliti dan mencadangkan suatu struktur harga padi dan beras yang baharu yang mampu memberikan manfaat dan menjaga kepentingan pesawah di peringkat pengeluaran, para pengilang, pemborong dan peruncit di peringkat pemprosesan dan pengedaran, serta pengguna di peringkat akhir. Kajian ke atas struktur harga padi dan beras ini merupakan satu daripada empat langkah utama yang telah diumumkan di bawah Program Reformasi Industri Padi dan Beras negara yang telah dimulakan seawal September 2024 lalu. Ia juga adalah selari dengan hasrat YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Perpaduan untuk mensejahterakan semua kelompok rakyat dan memastikan agihan kekayaan sama rata di bawah Ekonomi Madani. Kajian ini dijangka dapat dilengkapkan dalam tempoh enam hingga lapan bulan.

Selain itu, keberadaan BPT dalam pasaran juga ada kaitan rapat dengan aspek keberkesanan kawal selia dan penguatkuasaan Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994 [Akta 522]. Oleh itu, KPKM akan juga memberikan tumpuan kepada aspek ini bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan untuk melakukan manipulasi ke atas komoditi padi dan beras tempatan yang sangat signifikan dan penting kepada kehidupan rakyat dan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mekanisme baharu yang diambil Kementerian bagi menggalakkan pembelian lot perumahan Bumiputera memandangkan 47% lot tidak terjual adalah berharga antara RM500 ribu hingga RM700 ribu dan 29% berharga RM300 ribu hingga RM500 ribu walaupun setelah 3 tahun siap pembinaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan MADANI sentiasa fokus dan komited untuk memastikan setiap rakyat mendapat akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki. Berdasarkan **Laporan Pindah Milik Harta Tanah Kediaman Mengikut Negeri** yang dikeluarkan oleh **Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)** pada tahun **2022**, sebanyak **121,997** transaksi pindah milik direkodkan melibatkan golongan Bumiputera dengan **nilai transaksi sebanyak RM34.7 bilion** berbanding **106,276 transaksi** dengan nilai **RM30.8 bilion** pada 2021. **Ini menunjukkan peningkatan bilangan transaksi sebanyak 14.8% serta peningkatan nilai sebanyak 12.5% bagi golongan Bumiputera dalam transaksi pindah milik harta kediaman.**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, penetapan kuota dan diskaun harga hartanah Bumiputera adalah di bawah **bidang kuasa Kerajaan Negeri**. Oleh itu, bagi merencanakan pembelian lot kuota Bumiputera, Kementerian ini mengalu-alukan usaha lain bagi menggalakkan pembelian rumah oleh pembeli Bumiputera termasuk melalui **aktiviti promosi** yang lebih giat serta **peningkatan pemberian diskaun harga hartanah untuk pembeli Bumiputera.**

Selain itu, bagi membantu pembeli Bumiputera mendapatkan akses kepada pembiayaan perumahan, Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan **Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)** di bawah **inisiatif i-Biaya**. Melalui inisiatif ini, Kerajaan memberi jaminan had pembiayaan sehingga RM500,000. Ini termasuk jumlah pembiayaan pokok, Jaminan Tempoh Pengurangan Gadai Janji (*Mortgage Reducing Term Assurance*, MRTA) atau Takaful Gadai Janji (*Mortgage Reducing Term Takaful*, MRTT), yuran guaman dan yuran penilaian. **Pembiayaan adalah untuk pembeli rumah pertama termasuk belia yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau penyata gaji seperti golongan *gig economy*.** Pembiayaan ini **tidak terhad untuk kediaman baharu sahaja, tetapi termasuk juga rumah sedia ada atau rumah lelongan.**

Sepanjang pelaksanaan SJKP mulai tahun **2008** sehingga **31 Ogos 2024**, sebanyak **65,818** permohonan pinjaman bernilai **RM14.975 bilion** telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, khusus bagi pelaksanaan **SJKP Madani** mulai tahun **2024**, sebanyak **14,373** permohonan dengan pinjaman bernilai **RM3.14 bilion** telah diluluskan.

Di bawah **Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35)**, Kerajaan juga bercadang untuk **melaksanakan kajian keperluan perumahan termasuk bagi golongan Bumiputera**. Ini adalah bertepatan dengan matlamat PuTERA35 yang merupakan agenda menyeluruh negara ini untuk membangunkan ekonomi Bumiputera yang berteraskan nilai, akhlak dan integriti.

Terkini melalui **Belanjawan 2025: Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat** telah memperuntukkan lagi insentif bagi menggalakkan pemilikan rumah pertama, dengan **pelepasan cukai individu sehingga RM7,000 ke atas bayaran faedah pinjaman perumahan** seperti berikut:

- i. Pelepasan cukai sehingga RM7,000 diberikan bagi rumah kediaman berharga sehingga 500 ribu ringgit; dan
- ii. Pelepasan cukai sehingga RM5,000 diberikan bagi rumah kediaman berharga melebihi RM500 ribu hingga RM750 ribu.

Pelepasan ini boleh dituntut bagi **tiga tahun taksiran berturut-turut** ke atas perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIDZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mendirikan sebuah stadium mini di Parlimen Bukit Gantang untuk kegunaan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak mempunyai perancangan untuk mendirikan stadium mini di Parlimen Bukit Gantang. Pada masa ini, keutamaan akan diberikan untuk menaik taraf kemudahan sedia ada di bawah tanggungjawab Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan jumlah menara telekomunikasi yang telah siap dibina di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang telah beroperasi di Johor khususnya di Batu Pahat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 September 2024, inisiatif yang telah dijalankan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di negeri Johor termasuk 255 menara komunikasi baharu yang telah siap dibina daripada 308 yang dirancang. Sebanyak 5,462 buah menara juga telah turut siap dinaik taraf dan sebanyak 529,361 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik. Sebagai tambahan, terdapat 11 lokasi telah dapat menikmati perkhidmatan internet menggunakan teknologi satelit *Broadband Wireless Access* (BWA) di negeri Johor.

Bagi Parlimen Batu Pahat pula, empat daripada enam menara komunikasi baharu yang dirancang telah siap dibina iaitu di Taman Bukit Perdana 3, Taman Flora, Taman Kemajuan, KOA Bumiputera Dalam, manakala baki dua menara di Kampung Lapis Punggur dan Kampung Parit Daeng Machening dalam peringkat pelaksanaan. Kesemua 141 buah menara juga telah turut siap dinaik taraf dan sebanyak 24,222 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik.

Kesemua inisiatif ini akan siap secara berperingkat pada suku keempat tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : **13 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik penyakit baharu yang disebabkan oleh penggunaan rokok elektronik atau E-cigarette or Vaping Associated Lung Injury (EVALI) dan kos rawatan yang terpaksa ditanggung Kerajaan untuk merawat kes-kes EVALI ini daripada tahun 2020 hingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *E-cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury* atau EVALI adalah satu penyakit berkaitan kerosakan pada dinding salur pernafasan dalam paru-paru akibat penggunaan rokok elektronik.
2. *Bermula* tahun 2019, sehingga 30 September 2024, sebanyak 41 kes EVALI dilaporkan ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain EVALI, notifikasi kejadian akibat pendedahan kepada cecair rokok elektronik atau vape yang diterima oleh Pusat Racun Negara telah mencatatkan sebanyak 111 kes dari tahun 2015 hingga 2023.
3. Anggaran kos rawatan yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi penyakit EVALI adalah RM150,892.11 bagi setiap pesakit yang dimasukkan ke hospital selama 12 hari.
4. Jika tiada langkah kawalan diambil terhadap penggunaan rokok elektronik atau vape, kos rawatan ini dijangka akan melonjak sehingga RM369 juta setahun menjelang 2030.
5. Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [*Akta 852*], yang berkuat kuasa bermula 1 Oktober 2024 bertujuan untuk melindungi kesihatan awam dengan menguatkuasakan undang-undang yang lebih ketat meliputi larangan pengiklanan, promosi dan tajaan produk merokok, larangan penjualan serta penggunaan produk merokok termasuk rokok elektronik dan vape dalam kalangan orang belum dewasa (OBD).
6. Pelaksanaan Akta ini dapat melindungi golongan kanak-kanak dan remaja daripada terpengaruh dan terjebak dengan tabiat merokok. Seterusnya dapat mengurangkan risiko penyakit yang berkaitan dengan penggunaan produk merokok selain dapat mengurangkan kos rawatan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan.
7. Akta ini juga diharapkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat

NO SOALAN : 42

mengenai bahaya produk merokok, mendorong perubahan positif dalam tingkah laku dan gaya hidup, demi kebaikan kesehatan awam yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI [BETONG]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini baik pulih klinik kesihatan yang daif di Sarawak dan senaraikan klinik-klinik serta jumlah peruntukan yang termasuk dalam Program Inisiatif Bitara MADANI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2023, melalui Program Bitara Madani sebanyak 39 buah klinik daif di negeri Sarawak telah dibaiki dan dinaik taraf dengan kos keseluruhan berjumlah RM8.7 juta di bawah Projek Pembaikan Klinik dan Fasiliti Daif KKM Tahun 2023. Semua projek ini telah siap sepenuhnya pada tahun semasa.
2. Pada tahun ini pula, sebanyak 39 buah lagi klinik di negeri Sarawak telah diluluskan peruntukan sebanyak RM19 juta di bawah Projek Pembaikan Klinik dan Fasiliti Daif KKM Tahun 2024. Sehingga 15 Oktober 2024, sebanyak 22 projek telah siap sepenuhnya manakala 17 projek lagi dijadualkan akan siap menjelang penghujung tahun ini.
3. Melalui pembentangan Belanjawan 2025, cadangan peruntukan bagi projek klinik daif di bawah KKM adalah sebanyak RM300 juta. Senarai akhir projek pembaikan klinik daif ini akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada 30 November 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan dan tindakan Kementerian untuk memastikan projek Central Spine Road (CSR) bagi kesemua pakej di Gua Musang dapat ditangani kelewatan progres pembinaan dan mengelakkan kesesakan trafik disebabkan Kon Keselamatan (Safety Cone) berselerak dan membahayakan pengguna jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih atas pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai isu keselamatan jalan raya bagi Projek LTU Pakej 3B, 3C, dan 3D. Pihak Kementerian mengambil serius perkara yang melibatkan keselamatan pengguna jalan raya, terutamanya di kawasan projek seperti yang dinyatakan.

Pihak Kementerian dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memastikan langkah keselamatan, termasuk pemasangan *safety road barrier* dan *safety road PVC cone*, dipatuhi oleh kontraktor pelaksana. Oleh itu, pemantauan yang berterusan dijalankan bagi memastikan keperluan keselamatan dipenuhi dan masalah diselesaikan dengan kadar segera serta tindakan tegas akan diambil terhadap kontraktor sekiranya didapati gagal melaksanakan tanggungjawab mereka dan terdapat ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kontrak.

Kementerian turut memahami kepentingan kelancaran projek ini bagi mengurangkan impak kepada trafik dan memastikan keselamatan pengguna jalan raya. Kemajuan semasa projek bagi Lingkaran Tengah Utama (LTU) Seksyen 3B dan 3C: KM180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang adalah 60.11% (sebenar) berbanding 73.23% (jadual). Manakala LTU Seksyen 3D: Gua Musang ke Mentara adalah 55.37% (sebenar) berbanding 61.00% (jadual).

Terdapat sedikit kelewatan kemajuan fizikal sebenar berbanding jadual dan Kementerian memandang serius terhadap isu kelewatan jadual yang berlaku. Oleh itu, surat peringatan dan amaran telah dikeluarkan oleh pegawai penguasa kepada kontraktor disamping pemantauan prestasi telah dijalankan secara mingguan untuk memastikan pihak kontraktor mempercepatkan proses kerja mengikut jadual yang ditetapkan. Sekiranya kontraktor gagal mematuhi piawaian keselamatan dan jadual kerja yang ditetapkan, pihak Kementerian dan JKR akan mengambil tindakan tegas, termasuk mempertimbangkan langkah kontraktual.

Kementerian sentiasa mengutamakan keselamatan rakyat sebagai prioriti utama dalam setiap keputusan dan tindakan yang diambil. Justeru, pemantauan rapi dijalankan secara berterusan untuk memastikan setiap aspek kerja disiapkan mengikut piawaian dan jadual yang telah dirancang. Kementerian sentiasa berusaha dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua pengguna jalan raya, khususnya di jalan utama Kuala Lipis - Gua Musang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memperluaskan penggunaan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan Internet Kebendaan (IoT) di kalangan petani kecil bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited dalam mempergiatkan inisiatif pemodenan dan pertanian pintar termasuk penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan Internet benda (IoT) dalam aktiviti pertanian, selaras dengan Teras 1: Mendukung Pemodenan dan Pertanian Pintar yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Inisiatif ini meliputi semua golongan sasar sektor agromakanan termasuk petani kecil.

Bagi sektor tanaman, KPKM melalui Jabatan Pertanian (DOA) telah melaksanakan projek Sistem Pengairan Pintar Berteknologi IoT di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan peruntukan 10 juta ringgit. Sehingga kini, seramai 80 usahawan telah menaiktaraf sistem pengairan ladang sedia ada kepada sistem pengairan pintar berteraskan IoT. Sementara itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah memperkenalkan teknologi fertigasi halia dan cili berteraskan IoT kepada 50 petani di seluruh negara dengan peruntukan 20 ribu ringgit bagi setiap petani. Penggunaan sistem ini membantu petani membuat keputusan yang lebih tepat semasa proses penanaman serta berpotensi meningkatkan pendapatan sehingga 30 peratus.

Selain itu, bagi sektor perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah menyediakan bantuan kewangan sejumlah 7.9 juta ringgit kepada 302 pengusaha akuakultur di seluruh negara pada tahun ini bagi pengaplikasian teknologi IoT di bawah program Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SpeKS) Akuakultur. Sempena MAHA 2024, seramai 509 pengusaha akuakultur telah menyertai pameran dan seminar anjuran DOF yang memperkenalkan aplikasi IoT dalam industri akuakultur. Antaranya sistem Bioflok yang melibatkan bakteria probiotik untuk kawalan kualiti air dan *Recirculating Aquaculture System* untuk ternakan akuakultur berkepadatan tinggi.

Bagi sektor ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah membangunkan Sistem Pemantauan Pastura dan Ternakan Pintar berasaskan teknologi AI dan IoT. Penggunaan *sensor* bagi pemantauan kesuburan tanah pastura dan kelembapan udara misalnya, dapat memberi maklumat awal bagi membolehkan tindakan intervensi diambil bagi menangani masalah di lapangan. Di samping itu, penggunaan kolar pintar bagi pengurusan lembu baka dapat mengawal tingkah laku pemakanan, tempoh biang serta tahap kesihatan.

KPKM turut berkolaborasi dengan agensi luar seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bagi pelaksanaan inisiatif Digital AgTech dengan peruntukan 10 juta ringgit. Sehingga kini, seramai 546 usahawan tani melibatkan sub-sektor tanaman, ternakan dan perikanan telah menerima manfaat pemasangan sistem pertanian digital berteraskan IoT manakala seramai 30,000 usahawan tani telah diberi latihan secara percuma.

KPKM akan terus mempergiatkan penggunaan teknologi AI dan IoT untuk kumpulan sasanya termasuk petani kecil sebagai inisiatif pemodenan dalam meningkatkan produktiviti sektor agromakanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD
SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
[SEMPORNA] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan :**

(a) senarai syarikat yang telah berjaya ditawarkan kontrak bagi Fasa 1B Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah dan pakej WP09 yang melibatkan laluan dari Serusop Ke Pituru; dan

(b) apakah pembaharuan yang dibuat oleh Kementerian bagi memastikan kemajuan dan perjalanan projek LPB Fasa 1B ini tidak akan bermasalah sepertimana projek LPB Fasa 1A.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah Fasa 1B dengan anggaran jarak keseluruhan 370 km dibahagikan kepada 19 Pakej Kerja di mana sehingga kini, 17 Pakej Kerja telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST). Pakej Kerja yang telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan adalah seperti berikut:

PAKEJ	TAJUK	NAMA SYARIKAT
WP11	Membina Jalan Dari Rampayan Laut Ke Sarang	YTO Group Sdn. Bhd.
WP12	Membina Jalan Dari Sarang Ke Temuno	Pembinaan Azam Jaya Sdn. Bhd.
WP13	Membina Jalan Dari Temuno Ke Bingolon	Katata Construction (Sabah) Sdn. Bhd.
WP14	Membina Jalan Dari Bingolon Ke Simpang Mengayau	Tekad Warisan (M) Sdn. Bhd.
WP16	Menaik Taraf Jalan Dari Kampung Check Point Ke Sungai Kalumpang	Advance Grow Sdn. Bhd.
WP17	Menaik Taraf Jalan Dari Sungai Kalumpang Ke Madai	Kenari Express Sdn. Bhd.
WP18	Menaik Taraf Jalan Dari Madai Ke IGN Estate	Pembinaan Mesra Rezeki Sdn. Bhd.
WP19	Menaik Taraf Jalan Dari IGN Estate Ke Agri Harvest	Korporat Muda Sdn. Bhd.
WP20	Menaik Taraf Jalan Dari Agri Harvest Ke Sepagaya	Exodaya Sdn. Bhd.
WP22	Menaik Taraf Jalan Dari Lahad Datu Bypass Ke Kg. Sandau	Pembinaan Urusmesra Sdn. Bhd.
WP23	Menaik Taraf Jalan Dari Kampung Sandau Ke Sungai Takala	Pembinaan Kerjadi Sdn. Bhd.
WP24	Menaik Taraf Jalan Dari Sungai Takala Ke Kampung Perpaduan Datuk Moh	Wilayah Kaya Sdn. Bhd.
WP26	Menaik Taraf Jalan Dari Sukau Ke Kampung Lot M	PWMW Constructions Sdn. Bhd.

WP31	Menaik Taraf Jalan Dari Sungai Baoto Ke Telupid	Sri Jutaya Sdn. Bhd.
WP33	Menaik Taraf Jalan Dari Kampung Lumou Baru Ke Kampung Toupus	MTD Construction Sdn. Bhd.
WP34	Menaik Taraf Jalan Dari Kampung Toupos Ke Kampung Nabutan	Menta Construction Sdn. Bhd.
WP35	Menaik Taraf Jalan Dari Kampung Nabutan Ke Ranau	Binaan Desjaya Sdn. Bhd. & Gagasan Maya Sdn. Bhd.

Manakala baki 2 Pakej Kerja LPB Sabah Fasa 1B iaitu WP25: Menaik Taraf Jalan Dari Kampung Perpaduan Datuk Moh Ke Sukau dan WP32: Menaik Taraf Jalan Dari Kampung Nabutan Ke Ranau dijadualkan dapat dikeluarkan SST pada akhir tahun 2024.

Selain daripada itu, status WP09 yang melibatkan laluan dari Serusop ke Pituru pula masih di peringkat perolehan. Pakej Kerja ini juga dijadualkan dapat dikeluarkan SST selewat-lewatnya pada akhir tahun 2024.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek LPB Sabah adalah projek berimpak tinggi yang merupakan projek keutamaan Kementerian Kerja Raya (KKR). Justeru itu, melalui pengalaman mengurus dan melaksanakan Fasa 1A, pelbagai langkah-langkah penambahbaikan telah diambil bagi memastikan pembangunan projek Fasa 1B dilaksanakan mengikut perancangan agar ianya berjalan dengan lancar.

Antara langkah yang telah diambil oleh JKR Sabah selaku pelaksana projek adalah mengadakan sesi perkongsian pengalaman dan amalan terbaik atau *best practices* bersama JKR Sarawak untuk menambahbaik tadbir urus pengurusan dan pelaksanaan projek LPB Sabah.

Menteri Kerja Raya juga turut mencadangkan penubuhan *Task Force* yang akan melibatkan semua pihak untuk memantau dan memudahcara pelaksanaan Fasa 1B agar semua isu-isu berbangkit dapat ditangani dan diselesaikan dengan lebih cepat dan berkesan tanpa mengabaikan kepentingan pemegang taruh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKR melalui JKR Sabah akan sentiasa meneliti dari masa ke semasa langkah-langkah penambahbaikan yang boleh diperkenalkan agar projek LPB Sabah dapat dilaksanakan mengikut perancangan. KKR komited untuk memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan, seterusnya menyumbang ke arah penambahbaikan jaringan infrastruktur jalan raya Persekutuan di Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN AZLI BIN YUSOF
[SHAH ALAM]**

TARIKH : **13 NOVEMBER 2024 (RABU)**

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) adakah Kerajaan bercadang memisahkan fungsi klinik kesihatan antara ibu mengandung dan kanak-kanak dengan kesihatan am; dan
- (b) menaik taraf klinik kesihatan kepada klinik pakar yang ketika ini hanya ditempatkan di hospital sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih sahabat saya YB Shah Alam. Dua isu yang dibangkitkan yang akan saya tangani satu persatu.
2. Dasar Kementerian Kesihatan bagi perkhidmatan kesihatan primer adalah untuk menyediakan perkhidmatan bersepadu di bawah satu bumbung bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan, inklusif, boleh diakses dengan mudah selaras dengan keperluan semua lapisan masyarakat.
3. Perkhidmatan kesihatan ini meliputi aktiviti promosi kesihatan, pencegahan penyakit, pengesanan awal dan perawatan segera, penjagaan kuratif, pemulihan dan juga perkhidmatan sokongan. Justeru, bagi menjawab soalan pertama YB Shah Alam, **KKM tidak bercadang untuk memisahkan skop perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan selaras dengan dasar tersebut.**
4. Bagi soalan kedua, ingin saya jelaskan perbezaan perkhidmatan antara hospital dan klinik. Secara prinsip, klinik kesihatan menyediakan perkhidmatan kesihatan primer dan menjadi *gatekeeper* bagi kemasukan ke hospital yang bertanggungjawab memberi rawatan sekunder dan tertier serta bersifat akut dan kompleks. Pesakit yang memerlukan rawatan lanjut bagi penyakit tertentu atau perawatan berbentuk sekunder dan tertier akan dirujuk ke Klinik Pakar di hospital bagi mendapat perkhidmatan perawatan yang berkaitan.
5. Bermula pada tahun 1997, dengan mengambil kira pendekatan penjagaan berkonsepkan keluarga (*family doctor concept*), Pakar Perubatan Keluarga mula ditempatkan di klinik kesihatan. Pada masa ini, hampir kesemua Klinik Kesihatan Jenis 1 hingga 4 di negara ini mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) Pakar Perubatan Keluarga.
6. Di bawah naungan Pakar Perubatan Keluarga, perkhidmatan yang ditawarkan adalah bersifat lebih menyeluruh dan komprehensif serta menggunakan pendekatan pasukan pelbagai disiplin (*multidisciplinary team* – MDT) di bawah satu bumbung.
7. Justeru bagi menjawab soalan kedua, klinik kesihatan sudah pun dilengkapi dengan perkhidmatan pakar perubatan keluarga yang menyediakan perkhidmatan yang menyeluruh dan komprehensif serta

NO SOALAN : 47

menjadi gatekeeper dan menilai samada seseorang perlu dirujuk ke hospital atau pun tidak. Manakala klinik pakar yang disediakan di hospital pula sebagai tempat rujukan lanjut setelah mendapat khidmat perubatan di hospital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan usaha Kementerian bagi mengkaji semula semua perjanjian konsesi lebuhraya dan berunding untuk mendapatkan harga terbaik dengan pencapaian pengurangan 18% kadar tol bagi Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) termasuk Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) seperti termaktub dalam Manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan prinsip pelaksanaan projek secara penswastaan melalui konsep kerjasama awam swasta, pembinaan lebuhraya dilaksanakan menerusi kaedah Bina-Kendali-Pindah (BOT) di mana pihak swasta menggunakan kepakaran untuk mendapatkan sumber pembiayaan dan melaksanakan pembinaan lebuhraya serta dibenarkan mengutip balik pelaburan mereka menerusi kutipan tol dalam tempoh tertentu tertakluk kepada rundingan antara Kerajaan dan syarikat konsesi. Di akhir tempoh tersebut, aset lebuhraya dipindahkan kepada Kerajaan untuk diuruskan sepenuhnya tanpa melibatkan pihak swasta. Melalui kaedah ini, pembangunan projek infrastruktur boleh dipercepatkan pelaksanaannya tanpa menunggu peruntukan daripada Kerajaan dan projek sosial serta kebajikan lain boleh diberi keutamaan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan.

Melalui kaedah ini, satu perjanjian konsesi akan ditandatangani di antara pihak Kerajaan dengan syarikat konsesi di mana pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia bertindak selaku badan kawal selia lebuhraya dan syarikat konsesi juga diberikan hak untuk mengutip tol sepanjang tempoh konsesi yang diperuntukkan juga di dalam Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Berdasarkan perjanjian konsesi, sekiranya Kerajaan ingin mengurangkan kadar tol, bayaran pampasan haruslah dijelaskan kepada syarikat konsesi kerana kos pembinaan lebuhraya menggunakan pembiayaan dan pinjaman termasuk penerbitan sukuk yang memerlukan pembayaran hutang secara komited bagi mengelakkan pasaran modal serta institusi kewangan terjejas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai contoh Lebuhraya PLUS, walaupun langkah pemberian diskaun 18% yang bermula pada 1 Februari 2020 di semua lebuhraya di bawah Kumpulan PLUS Berhad termasuk Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) telah memberikan faedah penjimatan bayaran tol kepada pengguna lebuhraya, Kerajaan pula perlu melaksanakan penstrukturan semula Lebuhraya PLUS dengan memanjangkan tempoh konsesi selama 20 tahun lagi sehingga tahun

2058. Terdapat juga beberapa parameter kewangan yang perlu disemak dan diteliti semula oleh Kerajaan untuk menjayakan penstrukturan tersebut memandangkan sukuk yang diterbitkan adalah besar dan melibatkan pemegang saham PLUS iaitu Khazanah Nasional Berhad dan KWSP.

Dalam hal ini, bagi mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak di mana pengguna dapat menikmati kadar tol yang kompetitif serta mengembalikan keyakinan pelabur, Kerajaan sentiasa menjalankan kajian dalam pelbagai aspek untuk memastikan opsi penyelesaian terbaik dapat dilaksanakan. Di antara tindakan yang telah berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan bebanan dari aspek bayaran pampasan tol adalah dengan menstrukturkan semula kadar tol di 18 lebuhraya dan pengguna juga dapat menikmati bayaran kadar tol yang lebih rendah.

Di samping itu, sebagai langkah jangka panjang bagi mengurangkan bebanan bayaran pampasan yang berterusan kepada Kerajaan, Kementerian Kerja Raya telah meminta syarikat konsesi yang masih belum menstruktur semula kadar tol di lebuhraya masing-masing untuk mengemukakan cadangan penstrukturan semula lebuhraya kepada pihak Kementerian untuk diteliti. Hasil rundingan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pandangan pihak kementerian terhadap dakwaan yang mengatakan talian internet dan telefon menjadi semakin teruk di sesetengah kawasan setelah peralihan daripada 4G ke 5G.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa permulaan pelaksanaan rangkaian 5G oleh Digital National Berhad (DNB), Pemberi Perkhidmatan Mudah Alih (MNO) telah mendapati terdapat peningkatan dalam jumlah panggilan terputus (*dropped calls*). Analisis lanjut menunjukkan bahawa kebanyakan panggilan terputus disebabkan oleh kegagalan penyerahan (atau *handover*) panggilan antara rangkaian 5G milik DNB dan 4G milik MNO.

Bagi menangani masalah ini, Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menubuhkan pasukan petugas bersama pihak MNO dan DNB. Beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya mengoptimalkan rangkaian (*network optimisation*) 4G oleh MNO dan pengaktifan fungsi *Call Re-establishment (CRE)* di seluruh negara bagi mengelakkan panggilan terputus. Berdasarkan pemantauan dari pihak MCMC, kadar panggilan terputus telah menurun dari bulan Januari 2024 dan kembali stabil.

Untuk makluman, kualiti rangkaian di sesuatu kawasan juga boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti kesesakan rangkaian, gangguan frekuensi, liputan yang lemah dan lain-lain. Bagi memastikan pematuhan kepada standard mandatori yang telah ditetapkan untuk rangkaian 4G dan 5G, MCMC telah menjalankan audit kualiti secara berkala melalui pengujian di lapangan. Setakat suku ketiga tahun 2024, sebanyak 3,988 lokasi 4G dan 184 lokasi 5G telah dipantau dan diaudit untuk memastikan pematuhan kepada Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) bagi kualiti perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar. Kesemua lokasi yang telah diaudit ini dikenal pasti berdasarkan aduan dan maklumat yang diterima.

Sebanyak 551 ketidakpatuhan yang melibatkan 275 lokasi 4G dan 19 lokasi 5G seluruh Malaysia telah direkodkan dengan keputusan pelanggaran Standard Mandatori yang ditetapkan. MCMC telah mengeluarkan surat amaran dan notis pematuhan di bawah Seksyen 51, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), agar pemberi

perkhidmatan mengenal pasti pelan penambahbaikan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan 4G. Lanjutan dari tindakan yang diambil, pihak pemberi perkhidmatan yang terbabit telah melaksanakan pengoptimuman rangkaian (*network optimisation*) sehingga berjaya menyelesaikan sebanyak 88 dari 462 ketidakpatuhan 4G. Baki 374 ketidakpatuhan untuk 4G masih dalam proses penilaian untuk pengeluaran Arahan Suruhanjaya kerana melibatkan naik taraf menara sedia ada atau pembinaan menara baharu yang mengambil masa lebih lama.

Para pengguna adalah digalakkan untuk membuat aduan secara terus kepada pihak pemberi perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah tidak memuaskan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan, aduan kepada MCMC juga boleh dilakukan di laman portal aduan MCMC di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN
[KAMPAR]
TARIKH : 13 NOVEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada RON95 akan diapungkan mengikut harga pasaran pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat;

1. Sebagaimana yang telah dimaklumkan semasa ucapan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024, Kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi RON95 pada pertengahan tahun 2025. Pelaksanaan penyasaran ini akan membolehkan 85% rakyat terus menikmati subsidi RON95. Kerajaan masih meneliti kaedah bersesuaian untuk melaksanakan penyasaran subsidi bagi memastikan mekanisme yang digunakan nanti tidak akan membebankan rakyat di samping tidak memberikan implikasi kewangan yang besar.

2. Penerima subsidi akan dikenal pasti berdasarkan nilai pendapatan boleh guna bersih iaitu perbelanjaan bersih yang boleh digunakan selepas ditolak semua potongan wajib, seperti cukai pendapatan, zakat dan caruman kepada KWSP/PERKESO dan perbelanjaan asas kehidupan wajar (PAKW). PAKW dibangunkan bagi mengukur perbelanjaan asas yang diperlukan untuk kehidupan yang wajar bagi isi rumah di Malaysia. Ia menggambarkan sejumlah wang yang diperlukan untuk membeli barangan dan perkhidmatan asas yang dianggap penting. Pengiraan PAKW merangkumi komponen makanan dan bukan makanan seperti pakaian, tempat tinggal, utiliti, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, komunikasi dan keperluan diri. Nilai ambang PAKW adalah berdasarkan lokasi dan saiz isi rumah. Ini bermakna nilai PAKW akan berbeza bagi setiap isi rumah bergantung kepada ciri demografi dan tempat tinggal.

Sekian, terima kasih.